



1  
TINGKATAN

# Seni Muzik

SEKOLAH SENI  
MALAYSIA

Seni Muzik  
SEKOLAH SENI MALAYSIA  
TINGKATAN 1



RM15.00  
 ISBN 978-983-49-1126-3  
  
 9 789834 911263  
 FT501003



# **RUKUN NEGARA**

## **Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# Seni Muzik

TINGKATAN

1

SEKOLAH SENI MALAYSIA

**BUKU TEKS**

**PENULIS**

Mastor Bin Jarkaseh  
Izyan Hazwani Binti Abdol Rahaman

**EDITOR**

Nada Haifaa Binti Remlle  
Ana Suhana Binti Zainuddin

**PEREKA BENTUK**

Mohd Ashrul Bin Zainal Alam



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0084

KK 780-221-0102011-49-1126-30101

ISBN 978-983-49-1126-3

Cetakan Pertama 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Calibri

Saiz Muka Taip Teks: 12 poin

Dicetak oleh:

Mahkota Enterprise,

No. 9, Jalan 24/56,

Keramat Wangsa,

54200 Kuala Lumpur.



## **PENGHARGAAN**

---

Penerbitan buku ini melibatkan banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Sarawak Tourism Board
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur

Terima kasih juga ditujukan kepada organisasi dan orang perseorangan yang bersama-sama menjayakan penerbitan buku teks ini.



## KANDUNGAN

Pendahuluan	▶ v
Penerangan Ikon	▶ vii
Unit 1	▶ 1
Unit 2	▶ 19
Unit 3	▶ 37
Unit 4	▶ 53
Unit 5	▶ 71
Unit 6	▶ 87
Unit 7	▶ 105
Unit 8	▶ 121
Glosari	▶ 166



## PENDAHULUAN

---

Buku Teks *Seni Muzik Tingkatan 1* merupakan buku pertama di Malaysia yang ditulis untuk program seni muzik di Sekolah Seni Malaysia. Selain buku teks, Program Penerbitan Buku Teks bagi Kegunaan Mulai Tahun 2017 ini turut disertakan dengan DVD Audio bagi membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kandungan buku teks ini berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memenuhi Kurikulum Seni Muzik Sekolah Menengah Rendah dan menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, matlamat pembelajaran seni muzik adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan kreatif, berilmu dan berkemahiran dalam bidang muzik, berkejuruan dan mempunyai jati diri serta dapat menghargai dan menikmati kesenian ciptaan Tuhan secara intelektual. Di samping itu, hasrat kurikulum untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 seperti berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir dan bersifat ingin tahu turut diselitkan secara tidak langsung dalam kandungan buku teks ini.

Buku teks ini ditulis dan disusun dengan teliti agar menjadi pelengkap kepada mata pelajaran Seni Muzik bagi murid Tingkatan 1 Sekolah Seni Malaysia. Tumpuan diberikan kepada perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif murid semasa menyediakan buku teks ini. Terdapat enam bidang dalam pembelajaran dalam buku teks ini, iaitu Muzik, Budaya dan Masyarakat, Ensembel Vokal, Ensembel Muzik, Teori Muzik, Ekspresi Kreatif dan Alat Muzik Utama. Penulis telah membina setiap unit dengan teliti agar dapat memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap unit dimulakan dengan halaman rangsangan yang bertujuan menarik minat murid terhadap isi pembelajaran. Kemudian, setiap unit disusuli dengan kandungan, aktiviti dan soalan latihan. Selain itu, ikon seperti Bermain Muzik, Audio, Fikir dan Jawab, Berkarya dan Mencipta, Bernyanyi, Mari Menulis, Perbincangan, Dunia Muzik, Muzik dan Komputer serta Permainan ditulis dan disusun sebagai penyendal antara teks dengan grafik bagi membolehkan murid menguasai dan mengaplikasikan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam bidang muzik yang telah dipelajari. Elemen merentas kurikulum seperti teknologi maklumat dan komunikasi, sejarah, tarian, teater dan sains turut diberikan penekanan dan diselitkan dalam setiap unit pembelajaran.

Selain aktiviti yang disediakan dalam buku teks ini, guru digalakkan menggunakan kreativiti sendiri untuk menyesuaikan bahan dan mempelbagaikan aktiviti mengikut situasi persekitaran ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Semua aktiviti ini boleh dilakukan di dalam kelas atau sebagai tugas di luar kelas. Penulis berharap agar pakej Buku Teks *Seni Muzik Tingkatan 1* dapat memenuhi keperluan dan kehendak pendidikan peringkat sekolah menengah rendah terutamanya murid Tingkatan 1 Sekolah Seni Malaysia. Semoga buku teks *Seni Muzik Tingkatan 1* dapat dijadikan asas untuk membantu melahirkan modal insan yang cemerlang dalam mengamalkan nilai murni melalui kesenian muzik serta mampu menyumbangkan idea secara positif kepada bidang kesenian di Malaysia.

Buku teks ini diharapkan dapat menjadi rakan bimbing kepada murid dan pembantu kepada guru muzik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penting bagi seseorang guru memahami penggunaan buku teks dan menghayati DSKP yang digunakan untuk membina buku teks Seni Muzik ini. Guru boleh merujuk nota guru di bahagian bawah setiap bidang dan sesi pembelajaran tentang konsep dan ilmu yang perlu diajarkan pada hari tersebut. Selain itu, nota guru juga turut mencadangkan beberapa aktiviti yang boleh dilakukan oleh guru.

Ensembel muzik yang diketengahkan dalam buku ini merupakan cadangan daripada penulis. Oleh itu, guru boleh menggunakan ensembel lain yang bersesuaian mengikut keberadaan sekolah bagi memenuhi standard pembelajaran. Penilaian ensembel ini berdasarkan persembahan murid dan alat muzik yang digunakan. Selain itu, terdapat pelbagai perisian muzik dalam pasaran seperti *Finale*, *Encore*, *Sibelius*, *Overture* dan sebagainya. Buku teks ini menggunakan perisian *Sibelius* sebagai contoh. Walau bagaimanapun, guru boleh menggunakan mana-mana perisian yang sesuai bagi memenuhi standard pembelajaran. Audio yang digunakan untuk buku teks ini merupakan hak cipta terpelihara. Guru diharapkan dapat membuat persediaan sebelum memulakan sesi pembelajaran agar murid dapat belajar dalam suasana yang menyeronokkan, sejajar dengan konsep *fun learning* yang diuar-uarkan oleh pihak kementerian.

***Mastor bin Jarkaseh***

***Izyan Hazwani binti Abdol Rahaman***



# PENERANGAN IKON



## Bermain Muzik

Aktiviti bermain alat muzik atau menepuk corak irama muzik.



## Audio

Senarai lagu yang dapat membantu murid dalam pembelajaran di dalam kelas.



## Fikir dan Jawab

Soalan yang menguji pemahaman dan mengukuhkan konsep yang telah dipelajari oleh murid.



## Berkarya dan Mencipta

Aktiviti mencipta corak irama dan melodi dengan menggunakan perisian muzik.



## Bernyanyi

Aktiviti bernyanyi.



## Mari Menulis


Aktiviti menulis atau mencipta corak irama dan melodi secara manual.



**Perbincangan**  
Aktiviti yang memerlukan murid berbincang di dalam kelas tentang bidang yang telah dipelajari.



**Dunia Muzik**  
Maklumat tambahan yang menarik mengenai tajuk atau subtajuk yang dipelajari.



**Muzik dan Komputer**  
Maklumat tambahan yang menarik mengenai muzik dan perisian muzik.



**Permainan**  
Permainan yang menarik bagi membolehkan murid memahami tajuk atau subtajuk yang dipelajari dengan lebih mudah.

**29**


Nombor audio yang menunjukkan penggunaan audio pada aktiviti tertentu.

**EMK:**

Elemen Merentas Kurikulum

**A21:**

Kemahiran Abad Ke-21



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Standard pembelajaran

**5.1.1 (ii)**

- Bimbing murid melakukan aktiviti.

Nota guru



# UNIT 1

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Menyanyikan lagu dalam dua lapisan suara dengan pic dan tempo yang betul, mengaplikasikan teknik sebutan dan pernafasan serta dinamik *piano* (*p*) dan *forte* (*f*).
- ▶ Membaca pelbagai corak irama semibrif, minim, krocet, kuaver dan semikuaver dalam meter lazim  $\frac{4}{4}$ , mengenali not dan tanda rehat, serta membaca dan menulis melodi pada baluk klef trebel.
- ▶ Mengenali dan bermain alat muzik dalam ensembel caklempong dan disiplin pemuzik.
- ▶ Mencipta corak irama krocet, kuaver, minim dan tanda rehat krocet menggunakan perisian muzik.

- 1.1.1 - Bernyanyi secara dua lapisan suara (i - pic yang betul. ii - tempo yang betul. iii - teknik yang betul. iv - mengaplikasikan dinamik yang sesuai).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. ii - irama yang betul. iii - tempo yang betul. iv - teknik yang betul. vii - membaca skor muzik).
- 2.1.2 - Memainkan muzik dengan mengamalkan (iii - etika pemain sebelum, semasa dan selepas persembahan).
- 3.1.1 - Membaca dan menulis notasi pada klef trebel dan klef bes sehingga 1 garis leger dengan menekankan aspek (i - not semibrif, minim, krocet, kuaver dan semikuaver serta tanda rehatnya).
- 3.1.2 - Menulis meter lazim  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$ ,  $\frac{4}{4}$  dengan menekankan aspek (i - maksud angka meter. ii - garis bar).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (ii - mencipta corak irama).

- ▶ Pernafasan dalam nyanyian merupakan satu perkara yang perlu dititikberatkan bagi mencapai kesempurnaan dalam nyanyian. Nyanyian yang didasari oleh pic, irama dan melodi memerlukan kawalan pernafasan yang lebih dinamik bagi mengelakkan nafas diambil pada bahagian-bahagian yang tidak sepatutnya untuk menjaga keindahan sesebuah lagu yang disampaikan.



## Ensembel Dua Lapisan Suara

Ensembel bermaksud persembahan dalam kumpulan. Ensembel vokal dua suara merupakan nyanyian secara berkumpulan dalam dua lapisan suara.



- Audio 1: Latihan Nyanyian Menggunakan Solfa
- Audio 2: Latihan Nyanyian Sebutan Vokal
- Audio 3: Latihan Nyanyian Sebutan Konsonan



### Sebutan dalam Nyanyian

Sebutan dalam nyanyian ialah cara melafazkan perkataan semasa bernyanyi. Sebutan mesti jelas supaya maksud lagu yang disampaikan dapat difahami oleh pendengar. Faktor yang perlu dititikberatkan untuk mendapatkan sebutan yang baik ialah pembentukan mulut dan penghasilan bunyi huruf vokal serta konsonan.



AH [a]




AE [æ]



EE [i]



OH [o]



OO [u]

Teknik pembentukan mulut dalam penghasilan bunyi vokal.



Buat latihan nyanyian dengan menggunakan solfa, sebutan vokal dan konsonan.

1 → 3

Do Re Mi Fa So La Ti Do Ti La So Fa Mi Re Do  
 Aa  
 Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch Ch



**Ketipang Payung**  
 Audio 4: Vokal (Suara 1 dan 2)      Audio 7: Vokal (Suara 2)  
 Audio 5: Vokal (Suara 1)              Audio 8: Instrumental (Suara 2)  
 Audio 6: Instrumental (Suara 1)      Audio 9: Minus One

# Nyanyian Dua Lapisan Suara

EMK: Bahasa

A21: Kerja sepasukan

## Ketipang Payung

Ciptaan: Tan Sri Dr. P. Ramlee



Tempo: ♩ = 80

**Suara 1**  
 Hoi A-la pa-yung la pa-yung ke-ti-pang pa-yung Pa-yung su-te-ra nak ra-ja mu-  
 da A-la to-long la to-long cik a-bang to-long Ja-ngan-lah ma-rah pa-da a-  
 din-da Hoi Da-un meng-ku-du ber-ca-bang ca-bang Tem-pat te-ma-sya se-  
 mut ke-reng-ga ha-ti - ku rin-du O O Me-nung-gu ma-sa se-  
 ru - mah lang - ga Hoi

**Suara 2**  
 Hoi A-la pa-yung la pa-yung ke-ti-pang pa-yung Pa-yung su-te-ra nak ra-ja mu-  
 da A-la to-long to-long Ja-ngan-lah ma-rah pa-da a-  
 din-da Hoi Da-un meng-ku-du ber-ca-bang ca-bang Tem-pat te-ma-sya se-  
 mut ke-reng-ga ha-ti - ku rin-du O o hoi ke-pa-da-lah ham-ba Me-nung-gu ma-sa se-  
 ru - mah lang - ga Hoi

1.1.1 (ii, iii)

- Perengarkan audio kepada murid sebelum membuat latihan suara. Pastikan murid menyanyikan skel dalam satu frasa.
- Perengarkan audio lagu *Ketipang Payung* dalam dua suara kepada murid sebelum memulakan aktiviti nyanyian.
- Bimbing murid menyebut lirik Suara 1 dan Suara 2 lagu *Ketipang Payung*.
- Bimbing murid untuk menyanyikan lagu tersebut dengan pic yang betul.

## Not dan Tanda Rehat

Not ialah lambang bunyi dalam muzik. Senyapan diwakili dengan tanda rehat. Bentuk-bentuk not dan tanda rehat berbeza mengikut nilai bunyi atau senyapan.



Nama bahagian not muzik.



Not juga dikenali dengan nama seperti yang berikut:

- Semibrif = Not penuh
- Minim = Not perdua
- Krocet = Not perempat
- Kuaver = Not perlapan
- Semikuaver = Not perenam belas

### Not dan Tanda Rehat

Jenis Not	Tanda Rehat	Nilai
Semibrif		4 detik
Minim		2 detik
Krocet		1 detik
Kuaver		$\frac{1}{2}$ detik
Semikuaver		$\frac{1}{4}$ detik

### Pecahan Nilai Not



Isi tempat kosong dengan not yang sesuai.



(a) + + =

(c) + +  = +

(b) + + =

(d) + +  = +

## Meter $\frac{4}{4}$ , Bar dan Garis Bar

Meter seperti  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$  dan  $\frac{4}{4}$  ialah bilangan detik dalam satu bar. Bar dipisahkan dengan garis bar, iaitu garisan yang menegak. Garis bar penamat disebut sebagai tanda penamat, ditandakan dengan dua garisan.

$\frac{4}{4}$  ← Bilangan detik dalam satu bar (empat detik).  
 $\frac{4}{4}$  ← Krocet.

Satu bar meter  $\frac{4}{4}$  boleh mengandungi banyak kombinasi not, asalkan jumlahnya sama nilai dengan empat not krocet.



### Buat latihan di bawah.

- Tulis kombinasi not yang boleh melengkapkan satu bar meter  $\frac{4}{4}$ .
- Letakkan garis bar di tempat yang betul berdasarkan meter  $\frac{4}{4}$ .

(a)  $\frac{4}{4}$

(b)  $\frac{4}{4}$

(c)  $\frac{4}{4}$



Contoh kombinasi not dalam meter  $\frac{4}{4}$ .

$\frac{4}{4}$    
 $2 + 1 + \frac{1}{2} + \frac{1}{4} + \frac{1}{4}$   
 $= 4$

$\frac{4}{4}$    
 $\frac{1}{2} + \frac{1}{2} + 1 + 1 + \frac{1}{4} + \frac{1}{4} + \frac{1}{2}$   
 $= 4$

Menganalisis



Analisis skor lagu *Ketipang Payung* pada halaman tiga dari aspek not-not yang digunakan. Bincangkan.

3.1.1 (i)  
 3.1.2 (i, ii)


• Pelbagaikan latihan untuk mengukuhkan kefahaman murid.




## Nyanyian Dua Lapisan Suara

### Pernafasan dalam Nyanyian

Pernafasan dalam nyanyian melibatkan tiga bahagian, iaitu diafragma, abdomen dan kostal. Cuba anda berdiri tegak dengan meletakkan sebelah tangan di dada dan sebelah lagi di abdomen. Kemudian, tarik nafas secara mendalam, tahan nafas untuk seketika dan hembus nafas perlahan-lahan (hissing) sepanjang 16 kiraan. Apakah yang anda rasakan?



Proses menarik nafas.



Proses menghembus nafas.



Menilai



Teknik pernafasan yang betul dalam nyanyian ialah teknik diafragmatik kostal. Bincangkan.



10



Buat latihan suara di atas bermula dengan skel C major diikuti dengan C syap, D, D syap dan E major.



Bernyanyi dengan pernafasan yang betul, baik untuk kesihatan jantung dan paru-paru kerana dapat meningkatkan aliran oksigen di dalam darah dan seterusnya meningkatkan kecekapan sistem kardiovaskular.

Bernyanyi mampu mengubah perasaan seseorang kerana badan manusia akan mengeluarkan hormon endorfin yang dapat mengurangkan stres.





## Dinamik

Dinamik merujuk kepada bunyi kuat atau lembut dalam muzik.

*p* (piano) - lembut

*f* (forte) - kuat



Nyanyikan keseluruhan lagu *Ketipang Payung* dalam dua suara mengikut frasa dan dinamik.

### Ketipang Payung

Ciptaan: Tan Sri Dr. P. Ramlee

Mengaplikasi

♩ = 80

Suara 1  
Hoi A-la payung la pa-yung ke-ti-pang payung Pa-yung sui te-ra nak ra-ja mu

Suara 2  
Hoi A-la payung la pa-yung ke-ti-pang payung Pa-yung sui te-ra nak ra-ja mu

Suara 1  
da A-la to-long la to-long cik a-bang to-long Ja-ngan-lah ma-rah pa-da a-

Suara 2  
da A-la to-long to-long Ja-ngan-lah ma-rah pa-da a-

Suara 1  
din-da Hoi Da-un meng-ku-du ber-ca-bang ca-bang Tem-pat te-ma-sya-se-


Suara 2  
din-da Hoi Da-un meng-ku-du ber-ca-bang ca-bang Tem-pat te-ma-sya-se-

Suara 1  
mut ke-reng-ga ha-ti-ku rin-du O O Me-mung-gu ma-sa-se-

Suara 2  
mui ke-reng-ga ha-ti-ku rin-du O o hoi ke-pa-da-lah ham-ba Me-mung-gu ma-sa-se-

Suara 1  
ru mah tang-ga Hoi

Suara 2  
ru mah tang-ga Hoi



## Pic dan Klef Trebel

Pic ialah bunyi tinggi atau rendah dalam muzik. Pic diwakili oleh huruf A, B, C, D, E, F dan G yang disebut sebagai huruf muzikal. Kedudukan huruf atau not pada baluk mempunyai pic tertentu berdasarkan klef. Klef trebel juga dikenali sebagai klef G. Alat muzik yang berpik tinggi menggunakan klef ini.

E   G   B   D   F                      F   A   C   E

Pic pada garisan                      Pic di dalam ruang

Yang berikut ialah pic pada keyboard dan kedudukan not dalam baluk klef trebel.

Pic semakin rendah ←                      → Pic semakin tinggi



### Elemen Muzik

Terdapat tujuh elemen dalam muzik, iaitu:

1. Irama
2. Melodi
3. Harmoni
4. Bentuk
5. Tekstur
6. Dinamik
7. Warna ton



### Langkah menulis klef trebel pada baluk.



Skor di atas menunjukkan cara menulis dan kedudukan stem not kuaver. Bagaimanakah cara menulis not minim, krocet dan semibrif yang betul pada baluk?




Gunakan panduan huruf "p" untuk not tinggi dan huruf "d" untuk not rendah bagi mengingati cara menulis stem not.



## Roda Impian

Mengaplikasi

A21: Bermaklumat



## Papan Markah

Kumpulan A	Pusingan	Kumpulan B
	1	
	2	
	3	
	4	
	5	
	Jumlah	

Pemain dikehendaki memutar Roda Putar dan seterusnya menulis not seperti di Roda Putar dengan betul pada baluk di papan markah. Hakim akan memberikan 10 markah bagi not yang ditulis dengan betul sepenuhnya. Hakim boleh menolak markah sekiranya terdapat kesilapan pada format penulisan.


### 3.1.1

- Cara lain seperti kotak beracun, kertas undian yang ditulis not dan sebagainya boleh digunakan bagi menggantikan roda putar.

## Caklempong

Ensemble caklempong terkenal di Negeri Sembilan. Ensemble ini biasanya dimainkan dalam pelbagai majlis rasmi dan perayaan kebudayaan seperti majlis perkahwinan.

Ensemble caklempong berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Kini, caklempong menjadi ensemble musik penting di Negeri Sembilan. Alat muzik asas ensemble ini terdiri daripada gereteh, tingkah, sauwa, gendang aduak (ibu) dan gendang sarunai (anak). Gereteh, tingkah dan sauwa terdiri daripada bonang yang disusun pada tepak. Bonang ini dipalu dengan menggunakan dua batang pemukul.






Caklempong boleh dimainkan sama ada secara duduk, berdiri atau berjalan.


Permainan secara pacik dimainkan untuk mengiringi tetamu berjalan.






Oktaf ialah bunyi yang sama nama picnya tetapi satu tahap lebih tinggi atau lebih rendah.



Kedudukan pic-pic bonang gereteh.



Gendang dibunyikan dengan paluan menggunakan kayu pemukul atau menggunakan tangan sahaja. Ton bunyi “bung” dihasilkan dengan memukul bahagian tengah muka gendang. Bunyi “tak” atau “pak” terhasil dengan paluan pada bahagian tepi menggunakan tangan atau pukulan menggunakan pemukul pada bahagian badan gendang.



Kedudukan pic sawwa dan tingkah.

Dalam ensemble caklempong, gereteh berfungsi memainkan melodi manakala tingkah dan sawwa memainkan bahagian iringan. Tingkah akan memainkan kord. Sawwa akan memainkan ostinato bes.




Mainkan skor latihan yang berikut dengan irama dan pic yang betul.



### Latihan 1

8



### Latihan 2

8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

### Latihan 3

8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

### Latihan 4

8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

2.1.1 (i, iv, vii)

- Perkenalkan not pada setiap bonang.
- Bimbing murid mempelajari teknik paluan gendang yang betul.
- Murid boleh menggunakan kad rajah bonang untuk latihan sementara menunggu giliran bermain caklempong.

## Mencipta Corak Irama - Krocet dan Kuaver

Corak irama ialah susunan bunyi panjang dan pendek berdasarkan meter. Corak irama boleh dijelmakan dalam nyanyian atau permainan alat muzik. Melodi atau irama tersebut perlu ditulis menggunakan notasi supaya boleh dimainkan atau dianalisis oleh orang lain.

Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.



### Cantum dan Cipta

Buat satu bulatan. Seorang pemain memilih dua daripada corak irama (a) hingga (h) di atas. Contohnya, corak irama (b) + (f) adalah seperti yang berikut:



Pemain dikehendaki menepuk corak irama tersebut. Sekiranya betul, pemain tersebut layak memilih pemain seterusnya. Sekiranya salah, rakan-rakan lain akan memilih pemain seterusnya mengikut turutan bulatan, iaitu mengikut bilangan not dalam corak irama. Contohnya, kombinasi (b) + (f) terdiri daripada 5 + 6 = 11 not. Pemain kedua ialah orang ke-11.



### Berkarya Secara Manual

Cipta corak irama meter  $\frac{4}{4}$  sepanjang empat bar. Tulis dan tepuk corak irama yang telah dicipta.



## Pengenalan Muzik dan Komputer

Perisian muzik membantu dalam penciptaan karya muzik. Perisian muzik boleh digunakan antaranya untuk menulis not, menggubah lagu, belajar, menganalisis, membuat suntingan, mencetak dan memainkan semula muzik.




### Mencipta Baluk Baharu

Langkah mencipta baluk baharu adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *Home* → *Add/Remove Staff*.
2. Klik *All Instruments* → *Singers* → *Voice*.
3. Klik *Add to Score* → *OK*.



Pad kekunci yang digunakan untuk menulis not dan tanda rehat pada baluk.



Langkah menulis not pada baluk adalah seperti yang berikut:

1. Gunakan *Keypad Tool* untuk menulis not-not muzik.  
Pilih not dan klik pada baluk.

Langkah-langkah menyimpan fail adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *File* → *Save As*.
2. Taip nama fail dan klik *Save*.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi



### Berkarya Menggunakan Komputer

Tulis corak irama yang telah dicipta menggunakan komputer.





## Mencipta Corak Irama - Minim dan Tanda Rehat Krocet

Bunyi not minim ialah sepanjang dua detik. Dalam latihan tepukan, not minim hendaklah dibezakan dengan krocet dan tanda rehat krocet.

Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.



### Berkarya Secara Manual



Cipta corak irama meter  $\frac{4}{4}$  sepanjang empat bar. Tulis dan tepuk corak irama yang telah dicipta.



### Memainkan Corak Irama

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Langkah memainkan irama ciptaan adalah seperti yang berikut:

1. Klik *Play* untuk memainkan irama lagu.



Muzik yang telah ditulis boleh dimainkan dengan menggunakan arahan *Play/Stop*.



## Disiplin Pemuzik dalam Ensembl

Setiap individu perlu menepati masa, menghormati rakan dalam ensembl, bekerjasama dan rajin berlatih. Pemimpin bertanggungjawab mengawal disiplin pemuzik dalam ensembl supaya aktiviti dapat berjalan dengan lancar. Oleh hal yang demikian, pemuzik perlulah menurut arahan pemimpin sepanjang masa.



Bincangkan disiplin pemuzik dalam ensembl. Bentangkan.



Keseimbangan bunyi dalam muzik secara ensembl sangat penting. Melodi perlu lebih jelas daripada muzik iringan. Mainkan latihan ensembl yang berikut dengan imbangan bunyi yang sesuai.

$\text{♩} = 160$

8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang



2.1.1 (i, ii, iii)  
2.1.2 (ii)

- Bimbing murid mendapatkan keseimbangan bunyi dalam ensembl.



## Caklempong

Mainkan lagu yang berikut dengan tempo dan irama yang betul berdasarkan skor. Mengaplikasi

### Tak Tun Tun Gelamai Jaguang

Lagu Rakyat Minang

11

$\text{♩} = 160$

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

6 8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

12 8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

Fine

#### 2.1.1 (iii, vii)

- Bar 1 – 5 telah dipelajari pada halaman 16.
- Bimbing latihan tubi bar 6 – 16 sebelum memainkan keseluruhan lagu.
- Pastikan murid memainkan skor lagu di atas dengan tempo yang betul.





# UNIT 2

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Bernyanyi dalam dua lapisan suara dengan tempo yang betul serta mengaplikasikan dinamik *mezzo piano (mp)* dan *mezzo forte (mf)*, dinamik *crescendo* (◁) dan *decrescendo* (▷) serta teknik frasa.
- ▶ Memainkan melodi not tie dan not bertitik, membaca dan menulis pic leger, melodi dalam klef bes, dan menulis semula corak irama kuaver dengan pengumpulan yang betul.
- ▶ Memainkan lagu rakyat dengan ensembel caklempong.
- ▶ Memahami, mengenal pasti dan membezakan genre muzik masyarakat Melayu dan muzik masyarakat Sarawak.
- ▶ Mencipta corak irama dengan menggunakan aplikasi perisian muzik.

- 1.1.1 - Bernyanyi secara dua lapisan suara (i - pic yang betul. ii - tempo yang betul. iii - teknik yang betul. iv - mengaplikasikan dinamik yang sesuai).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. v - ton yang sesuai. vi - mengaplikasikan dinamik yang sesuai. vii - membaca skor muzik).
- 2.1.2 - Memainkan muzik dengan mengamalkan (iii - etika pemain sebelum, semasa dan selepas persembahan).
- 3.1.1 - Membaca dan menulis notasi pada klef trebel dan klef bes sehingga satu garis leger dengan menekankan aspek (i - not semibrif, minim, krocet, kuaver dan semikuaver serta tanda rehatnya. ii - not bertitik serta tanda rehatnya. iii - not tie).
- 3.1.2 - Menulis meter lazim  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$ ,  $\frac{4}{4}$  dengan menekankan (i - maksud angka meter. ii - garis bar. iii - pengumpulan not).
- 4.1.1 - Membuat ulasan muzik Malaysia yang didengar atau ditonton (i - genre muzik masyarakat Melayu. ii - genre muzik masyarakat Sarawak).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (ii - mencipta corak irama).

- ▶ Setiap persembahan muzik berupaya mempengaruhi perasaan pendengarnya. Hal ini bergantung pada ekspresi yang ditonjolkan dalam persembahan muzik tersebut. Satu daripada aspek penting yang mempengaruhi ekspresi dalam persembahan muzik ialah dinamik. Bunyi pada suara ditentukan oleh kekuatan tekanan udara dari paru-paru. Dalam muzik, kuat atau lembutnya sesuatu bunyi disebut dinamik. Dalam sesebuah lagu, simbol dinamik ditulis pada bahagian tertentu bagi melakukan perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut.



# Nyanyian Dua Lapisan Suara

## Dinamik

*mp* (mezzo piano) - sederhana lembut

*mf* (mezzo forte) - sederhana kuat



Audio 12: Latihan Nyanyian Arpeggio

Selendang Mak Inang

Audio 13: Vokal (Suara 1 dan Suara 2)

Audio 14: Vokal (Suara 1)

Audio 15: Instrumental (Suara 1)

Audio 16: Vokal (Suara 2)

Audio 17: Instrumental (Suara 2)

Audio 18: Minus One



(a) Lakukan latihan nyanyian arpeggio menggunakan sebutan huruf vokal dan konsonan.

Contoh:

12

(b) Nyanyikan lagu *Selendang Mak Inang* mengikut skor.



## Selendang Mak Inang

13 → 18

Gubahan: Nurjuliana binti Redzuan

**Suara 1**  
 Inang  
 Se-len - dang Mak I - nang se - len - dang a - nak - lah ra - ja tu - run ke ta - man Se - len -  
*mp* *f*

**Suara 2**  
 Se - len - dang Mak I - nang se - len - dang a - nak - lah ra - ja tu - run ke ta - man Se - len -  
*mp* *p*

**Suara 1**  
 man A - la leng - gang Mak I - nang di leng - gang Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan Me - leng -  
*f*

**Suara 2**  
 man I, aa I, aa ki - ri leng - gang ke ka - nan  
*p*

**Suara 1**  
 gang Mak I - nang di leng - gang Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan  
*mp*

**Suara 2**  
 I, aa Aa Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan  
*mp*

1.1.1 (ii, iv)

- Pelbagaikan sebutan huruf vokal dan konsonan dalam aktiviti latihan nyanyian.
- Perengarkan Audio 12 kepada murid. Bimbing murid untuk menyanyikan lagu tersebut.

## Simbol Tie

Tie digunakan untuk menyambungkan bunyi dua not bersebelahan. Bandingkan kedua-dua corak irama di bawah.

## Not Bertitik

Tanda titik di belakang not berfungsi menambahkan nilai setengah daripada not di hadapannya.

Sesetengah pasangan not tie boleh digantikan dengan not bertitik. Bandingkan kedua-dua corak irama di bawah.

Menganalisis



Bandingkan bilangan dan jenis not pada corak irama di sebelah.



Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.

Menilai

(a)

(b)

## Meter $\frac{3}{4}$

Bermaksud tiga detik krocet dalam satu bar.

Kiraan detik    1   2   3   |   1   2   3   |   1   2   3   |   1   2   3

- $\frac{3}{4}$  ← Bilangan detik dalam satu bar (tiga detik).
- $\frac{4}{4}$  ← Krocet.

Satu bar corak irama meter  $\frac{3}{4}$  boleh mengandungi pelbagai kombinasi not atau tanda rehat, asalkan jumlah nilainya sama dengan tiga krocet.

## Meter $\frac{2}{4}$

Bermaksud dua detik krocet dalam satu bar.

Kiraan detik    1   2   |   1   2   |   1   2   |   1   2

Satu bar corak irama meter  $\frac{2}{4}$  boleh mengandungi pelbagai kombinasi not atau tanda rehat, asalkan jumlah nilainya sama dengan dua krocet.



Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.



(a)  $\frac{4}{4}$

(b)  $\frac{3}{4}$

(c)  $\frac{2}{4}$



Bina kombinasi not dan tanda rehat yang betul sepanjang lapan bar bagi membina corak irama meter  $\frac{2}{4}$  dan  $\frac{3}{4}$ .

3.1.1 (i, iii)  
3.1.2 (i, ii)

- Pelbagaikan corak irama meter yang dipelajari untuk latihan tepuk irama.



## Nyanyian Dua Lapisan Suara

### Frasa Lagu

Frasa dalam muzik bermaksud satu rangkaian lagu yang dinyanyikan secara senafas.

Contoh frasa dalam pantun dua kerat:

Frasa 1

Siakap senohong gelama ikan duri

Frasa 2

Bercakap bohong lama-lama mencuri



- Lakukan aktiviti nyanyian skel dengan mengaplikasikan frasa.
- Letakkan tanda frasa bermula dari bar lima hingga tamat dalam skor *Selendang Mak Inang* di bawah.
- Nyanyikan lagu *Selendang Mak Inang* di bawah mengikut frasa.

Mengaplikasi

### Selendang Mak Inang

Gubahan: Nurjuliana binti Redzuan

Inang

Suara 1

Se - len - dang Mak I - nang se - len - dang a - nak - lah ra - ja tu - ruu ke ta - man Se - len -

Suara 2

Se - len - dang Mak I - nang se - len - dang a - nak - lah ra - ja tu - ruu ke ta - man Se - len -

Suara 1

man A - la leng - gang Mak I - nang di leng - gang Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan Me - leng -

Suara 2

man Laa Laa ki - ri leng - gang ke ka - nan

Suara 1

gang Mak I - nang di leng - gang Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan

Suara 2

Laa Aa Leng - gang ke ki - ri leng - gang ke ka - nan

#### 1.1.1 (i, iii)

- Perengarkan Audio 13 kepada murid sebelum memulakan aktiviti nyanyian.
- Gunakan Audio 18 untuk mengiringi nyanyian.

## Apresiasi Muzik Malaysia




### Genre Muzik Malaysia


Muzik di Malaysia banyak dipengaruhi oleh muzik negara luar seperti Indonesia, Filipina, Thailand, Arab, India dan China. Muzik terdiri daripada pelbagai genre. Genre bermaksud kategori atau jenis muzik karya seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu. Contohnya, muzik tradisional, etnik, klasikal dan pop.



Buat perbincangan tentang genre muzik masyarakat Melayu dan masyarakat Sarawak. Layari Internet untuk mendapatkan maklumat. Isikan maklumat yang diperolehi dalam peta buih yang disediakan. Bentangkan hasil yang diperolehi di hadapan kelas.



A21: Bermaklumat



4.1.1 (i-a, ii-a)

- Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.
- Bincangkan kepelbagaian muzik Malaysia dengan murid.

## Nyanyian Dua Lapisan Suara

### Dinamik

**Crescendo** (*cresc.*)  - beransur kuat

**Decrescendo** (*decrec.*)  - beransur lembut

Audio 19: Latihan Nyanyian Teknik *Bubbling*

Audio 20: Latihan Nyanyian Skel C Major

*Lenggang Kangkung*

Audio 21: Vokal (Suara 1 dan 2)

Audio 22: Vokal (Suara 1)

Audio 23: Instrumental (Suara 1)

Audio 24: Vokal (Suara 2)

Audio 25: Instrumental (Suara 2)

Audio 26: Minus One



(a) Lakukan latihan nyanyian menggunakan teknik *bubbling*. 19

(b) Nyanyikan skel C major dengan mengaplikasikan dinamik *crescendo* dan *decrescendo*. 20

La La La La La La La La La La La La La La La La La

*p* *f* *p*

Mengaplikasi

(c) Nyanyikan lagu *Lenggang Kangkung* mengikut skor.

21 → 26

### Lenggang Kangkung

Lagu Kanak-Kanak

♩ = 107

Suara 1: 3 *Leng-gang leng-gang kang-kung Kang-kung te-pi te-la-ga Leng-*

Suara 2: 3 *Haa Haa Haa Haa*

Suara 1: *gang leng-gang kang-kung Kang-kung te-pi te-la-ga Ba-lik da-ri me-nya-bung ma-kan-lah*

Suara 2: *Haa Haa Haa Haa Haa Haa*

Suara 1: *na-si sa-ha-ja Ba-lik da-ri me-nya-bung ma-kan-lah na-si sa-ha-ja*


Suara 2: *Haa Haa Haa Haa Haa Haa*

#### 1.1.1 (iv)


- Perengarkan audio lagu *Lenggang Kangkung* dalam dua suara kepada murid sebelum memulakan aktiviti nyanyian.
- Bahagikan murid kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan menyanyikan bahagian masing-masing.
- Bimbing murid untuk menyanyikan lagu ini dengan pic yang tepat.

## Garis Leger

Garis leger ialah garis mendatar pendek untuk not yang tidak dapat ditulis pada baluk. Garis leger di atas baluk digunakan untuk not berpici tinggi. Garis leger di bawah baluk digunakan untuk not berpici rendah.



Pic-pic pada baluk klef trebel dan garis leger.



Pic-pic pada baluk klef bes dan garis leger.

Menganalisis



Mengapakah hanya terdapat lima garisan pada baluk? Apakah yang mungkin berlaku sekiranya baluk mempunyai terlalu banyak garisan?

## Pengumpulan Not Kuaver

Pengumpulan not bermaksud cara mencantumkan palang (beam) bagi not-not lebih kecil daripada krocet. Tujuannya bagi memudahkan pemuzik membaca skor muzik.

Yang berikut merupakan contoh pengumpulan not-not kuaver yang betul dan yang salah dalam skor meter  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$  dan  $\frac{4}{4}$ .





(c)  $\frac{3}{4}$  

(d)  $\frac{3}{4}$  

(e)  $\frac{4}{4}$  

(f)  $\frac{4}{4}$  



Analisis skor yang berikut. Kenal pasti pengumpulan yang betul dan yang salah. Bantangkan analisis anda.

Menganalisis 

(a)  $\frac{4}{4}$  

(b)  $\frac{4}{4}$  

(c)  $\frac{3}{4}$  

(d)  $\frac{2}{4}$  



Tulis semula skor yang telah dibincangkan dengan pengumpulan not yang betul.

3.1.1 (i)  
3.1.2 (iii)

- Minta murid menggunakan buku manuskrip untuk melakukan aktiviti.

## Etika Pemuzik Ensembel Caklempong

Etika bermaksud nilai-nilai akhlak. Dalam persembahan muzik, etika merupakan peraturan-peraturan asas yang perlu dipatuhi bertujuan bagi memastikan persembahan muzik dapat berjalan dengan lancar. Antara perkara asas etika dalam persembahan caklempong adalah seperti yang berikut:

- Etika sebelum memasuki pentas.
- Etika semasa berada di atas pentas.
- Etika selepas tamat persembahan.
- Etika semasa berjalan masuk atau keluar dari pentas.
- Etika berpakaian, duduk, menghormati tetamu dan sebagainya.

EMK: Nilai Murni

A21: Berprinsip



Bincangkan secara ringkas tentang etika pemuzik caklempong seperti di atas. Bentangkan hasil perbincangan.



Mainkan keratan lagu berikut dengan irama dan pic yang betul.

Mengaplikasi

### Ulik Mayang

Lagu Rakyat Terengganu

8

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

2.1.1 (i, vii)

2.1.2 (iii)

- Bimbing murid memainkan skor di atas.
- Bimbing murid membuat pembentangan hasil perbincangan.

## Ensemble Caklempong

### Paluan Titir

Paluan titir ialah satu daripada teknik yang digunakan untuk memainkan not panjang. Contohnya, minim, minim bertitik dan semibrif.



Audio 27: Titir Semibrif  
Audio 28: Titir Minim  
Audio 29: Ulik Mayang

27  
28

### Ton Bunyi Bonang

Ton ialah kualiti bunyi sesuatu alat muzik. Ton yang baik ialah bunyi yang jelas dan sedap didengar. Teknik paluan yang betul amat penting untuk menghasilkan ton yang baik.



Mainkan skor berikut dengan ton yang baik dan mengikut aras dinamik yang sesuai.

Mengaplikasi

### Ulik Mayang

29

Lagu Rakyat Terengganu





158 | 1. | 2.

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

218 | 1.

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

268 | 2.

Gereteh

Tingkah

Sauwa

Gendang

2.1.1 (i, v, vi, vii)

- Tunjukkan teknik paluan titir pada bonang dan gendang kepada murid.
- Jelaskan kepada murid tentang perubahan fungsi gereteh dan tingkah, nada, tempo dan dinamik dalam lagu di atas.



## Mencipta Corak Irama

Kemahiran membaca sesuatu corak irama dengan betul sangat penting dalam mencipta irama. Kebolehan membaca pelbagai corak irama juga boleh meningkatkan repertoire karya.



Tepuk latihan di bawah dengan irama yang betul.

(a)  $\frac{3}{4}$

(b)  $\frac{3}{4}$

(c)  $\frac{3}{4}$

(d)  $\frac{3}{4}$

(e)  $\frac{3}{4}$

(f)  $\frac{3}{4}$

(g)  $\frac{3}{4}$

(h)  $\frac{3}{4}$



### Berkarya Secara Manual



Cipta corak irama lapan bar menggunakan meter  $\frac{3}{4}$ . Gunakan not-not yang telah dipelajari.




## Menurunkan dan Memadamkan Meter

Lagu boleh dicipta dalam pelbagai meter mengikut cita rasa dan kreativiti komposer.

Langkah menurunkan meter lagu adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan bar pertama.
2. Klik *Notation* → *Time Signature* → *Common*.
3. Pilih meter yang dikehendaki.




Langkah memadamkan meter lama di dalam bar adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan meter yang tidak dikehendaki.
2. Tekan kekunci *Delete* → *Yes*.



## Menukar Tempo



Langkah menetapkan tempo adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan bar pertama.
2. Klik menu *Text* → *Styles*.
3. Skrol ke bawah, klik dan pilih *Tempo*.
4. Cursor akan kelihatan di atas bar pertama, klik kanan pada tetikus dan klik tempo pilihan, misalnya *Allegro*, *Andante*, *Moderato* atau lain-lain.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi



## Mencipta Corak Irama

Tulis semula corak irama yang telah dicipta dengan menggunakan perisian muzik. Gunakan tempo yang sesuai. Mainkan ciptaan dengan menggunakan komputer.

5.1.1 (ii)




- Tunjukkan langkah sebelum murid membuat tugas menggunakan komputer.
- Bantu murid menjalankan tugas yang diberi.

## Klef Bes

Klef bes juga dikenali sebagai klef F. Notnya berpici rendah dan terletak di bawah C tengah.




Langkah menulis klef bes pada baluk.




Mengapakah kedudukan pic C tengah pada baluk klef trebel berbeza dengan klef bes? Bincangkan perkaitan antara pic dalam kedua-dua klef ini.

C tengah



### Garis Leger pada Baluk Klef Bes

Not yang berpici terlalu tinggi atau rendah perlu ditulis dengan garis leger. Misalnya pic C tengah dan pic E.



Menganalisis







### Kata Laluan Rahsia

Cari kata laluan rahsia yang boleh disampaikan melalui not pada baluk di sebelah.






## Penilaian

1. Tulis meter yang betul.

- (a)  
- (b)  
- (c)  
- (d)  

2. Namakan pic yang berikut.

- (a) 
- (b) 
- (c) 

3. Salin semula corak irama berikut dengan pengumpulan yang betul.

- (a) 
- (b) 
- (c) 



4. Letakkan tanda frasa pada keratan melodi di bawah.

Ma-lay-sia oh ta-nah a-ir-ku Ta-nah tem-pat tum-pah da-rah-ku Ne-gri'  
 6 e-lok a-mat ku-cin-ta Yang ku-pu-ja se-pan-jang-ma-sa Sa-wah  
 10 mu-ter-ben-tang me-lu-as Tum-buh tum-buh-an hi-jau me-ren-dang Bu-kit  
 14 mu-lu-rus-nya ter-ben-tang Tak je-mu ma-ta-ku me-man-dang

5. Tulis pic bagi bonang gereteh yang berikut menggunakan not semibrif.

Kedudukan pemain

6. Tulis pic bagi bonang tingkah yang berikut menggunakan not semibrif.

Kedudukan pemain

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.



# UNIT 3

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Mengetahui ton dan semiton, mengenal pasti tanda nada, menyatakan nama teknikal dan menulis skel, membuat pengumpulan not semikuaver.
- ▶ Mencipta corak irama not minim bertitik, krocet dan tie serta frasa soalan dan frasa jawapan dengan menggunakan perisian muzik.
- ▶ Mengetahui postur berdiri dan duduk yang betul sewaktu bernyanyi, mengaplikasikan dinamik *piano* (*p*) dan *forte* (*f*) serta *crescendo* ( $\text{<}$ ) dan *decrescendo* ( $\text{>}$ ) dalam nyanyian.
- ▶ Mengelaskan alat muzik masyarakat Melayu dan masyarakat Sarawak dalam kumpulan kordofon, membranofon, idiofon dan aerofon.

1.1.2 - Bernyanyi dua lapisan suara (iii, a - teknik postur yang betul.  
iv - dinamik yang sesuai).

3.1.2 - Menulis meter  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$ ,  $\frac{4}{4}$  (iii - pengumpulan not).


3.1.3 - Menulis pada baluk skel C, G, D dan F major dalam klef trebel dan klef bes (i - nama teknikal. ii - tanda kromat. iii - tanda nada).

4.1.1 - Membuat ulasan muzik Malaysia (i, b - alat muzik masyarakat Melayu.  
ii, b - alat muzik masyarakat Sarawak).

5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (ii - mencipta corak irama).

- ▶ Skel dimainkan bagi membiasakan diri dengan penggunaan tanda kromat yang wujud dalam melodi tersebut.

Skel juga berfungsi menjelaskan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan harmoni dan melodi pada nada tersebut.





## Ton dan Semiton dalam Skel Major

Jarak pic bagi semua not bersebelahan dalam skel major ialah satu ton, iaitu dua langkah pada keyboard. Semiton pula dikenali sebagai setengah ton, iaitu jarak antara dua not.




Semiton (satu langkah)


Ton (dua langkah)

Satu langkah pada keyboard dinamakan semiton. Jarak E – F dan B – C ialah satu semiton manakala jarak di antara pic A – B terdapat kekunci hitam. Jarak A – B ialah dua semiton.

Skel C major




Skel G major



Kesimpulannya, dalam skel major jarak not 3 – 4 dan 7 – 8 ialah semiton manakala jarak not lain ialah satu ton.



Teliti skel ini. Bagaimanakah skel ini boleh dijadikan sebagai skel major?








Teliti gambar rajah keyboard yang berikut.

Mengapa skel F major tersebut menggunakan B flet dan bukannya pic B?

Menilai

Skel F major



## Terminologi dan Simbol Muzik

Tanda isyarat dan lambang dalam skor membantu konduktor serta pemuzik memainkan lagu dengan ekspresi yang dikehendaki oleh penggubah muzik. Selain itu, tanda ulangan membantu dalam memendekkan penulisan skor.




Teliti skor lagu *Santa Lucia* di bawah dan bincangkan terminologi muzik yang ada padanya.

Menganalisis

### Santa Lucia

Lagu Rakyat



3.1.2 (iii)  
3.1.3 (i)

## Mencipta Corak Irama



Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.




### Menambahkan dan Memadamkan Bar

Langkah untuk menambahkan bar dalam komputer adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *Home*.
2. Serlahkan bar tempat bar baharu yang hendak ditambah.
3. Klik pilihan yang disediakan; *Add bar at end/add single bar/add multiple or irregular bar*.

Langkah untuk memadamkan bar dalam komputer adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan bar berkenaan.
2. Tekan kekunci *delete* pada papan kekunci komputer.



### Berkarya Menggunakan Komputer

Cipta corak irama lapan bar meter  $\frac{4}{4}$  menggunakan minim bertitik dan not lain yang telah dipelajari. Buat notasi dengan menggunakan perisian muzik.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



### Tanda Kromat

Terdapat tiga jenis tanda kromat, iaitu:

Tanda	Nama	Penggunaan
#	Syap	Menaikkan pic sebanyak satu semiton
b	Flet	Menurunkan pic sebanyak satu semiton
♮	Natural	Kembali ke pic asal

Tanda kromat syap dan flet digunakan untuk mengekalkan nada skor. Nada G major mempunyai tanda satu syap, D major dua syap, F major satu flet, manakala C major tidak mempunyai sebarang tanda syap atau flet.

### Nada dan Tanda Nada

Tanda nada C major		Tanda nada G major	
Tanda nada F major		Tanda nada D major	

### Skel

Skel ialah susunan lapan not secara berturutan dalam satu nada. Skel boleh ditulis dengan tanda nada atau tanpa tanda nada.

- (a) Skel C major menaik pada klef trebel tanpa tanda nada
- (b) Skel C major menurun pada klef trebel tanpa tanda nada
- (c) Skel C major menaik pada klef bes tanpa tanda nada
- (d) Skel C major menurun pada klef bes tanpa tanda nada



## Mencipta Corak Irama



Tepuk corak irama yang berikut dengan betul.



### Mencipta Corak Irama

Cipta tiga corak irama sebanyak empat bar; setiap satunya dalam meter  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$  dan  $\frac{4}{4}$ .  
Buat notasi corak irama yang telah dicipta dengan menggunakan perisian muzik.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi



### Menetapkan Bar

Bar-bar boleh diletakkan dalam satu sistem (baris) dengan cara yang berikut:

1. Serlahkan beberapa bar yang terlibat.
2. Klik *Layout* → *Format* → *Keep Bars Together*.



5.1.1 (ii)

- Bimbing murid mencipta corak irama.



## Ensembel Vokal Tiga Lapisan Suara

Ensembel vokal tiga lapisan suara ialah nyanyian secara berkumpulan dalam tiga lapisan suara.

### Postur dalam Nyanyian

Postur sewaktu bernyanyi penting bagi menghasilkan kualiti nyanyian yang baik. Postur merupakan kedudukan badan sewaktu bernyanyi sama ada ketika duduk ataupun berdiri. Postur hendaklah betul supaya pengaliran udara untuk pernafasan dapat berlaku dengan lancar semasa bernyanyi.

### Postur Sewaktu Bernyanyi



Postur bernyanyi yang betul dan salah ketika duduk dan berdiri.



Lakukan aktiviti nyanyian dengan mengajuk melodi di bawah pada bar yang berwarna.

Nyanyi Nyanyi

5 Nyanyi Nyanyi

9 Nyanyi Nyanyi

13 Nyanyi Nyanyi

The image shows four staves of music in 4/4 time. Each staff has a blue shaded section in the middle. The word 'Nyanyi' is written above the first and last notes of each staff. The numbers 5, 9, and 13 are on the left side of the staves.

# Nyanyian Tiga Lapisan Suara



Lenggang Kangkung

Audio 31: Vokal (Suara 1, 2, 3)

Audio 32: Vokal (Suara 3)

Audio 33: Instrumental (Suara 3)



Nyanyikan lagu *Lenggang Kangkung* mengikuti skor.

A21: Kerja sepasukan

Mengaplikasi

Lagu Kanak-Kanak

31

33

**Lenggang Kangkung**

Tempo: ♩ = 107

**Suara 1**  
 3  
 Lenggang kangkung kangkung te-pi te-la-ga Lenggang  
*mf* *mp*

**Suara 2**  
 3  
 Haa Haa Haa Haa

**Suara 3**  
 3  
 Lenggang kangkung Te-la-ga Lenggang

**Suara 1**  
 7  
 gang kangkung kangkung te-pi te-la-ga Ba-lik da-ri me-nya-bung ma-kan-lah  
*mf*

**Suara 2**  
 Haa Haa Haa Haa Haa Haa

**Suara 3**  
 gang kangkung Te-la-ga Haa da-ri me-nya-bung ma-kan-lah

**Suara 1**  
 13  
 na-si sa-ha-ja Ba-lik da-ri me-nya-bung ma-kan-lah na-si sa-ha-ja  
*p*

**Suara 2**  
 Haa Haa Haa Haa Haa Haa

**Suara 3**  
 na-si sa-ha-ja Haa da-ri me-nya-bung ma-kan-lah Sa-ha-ja

1.1.2 (iii-a, iv)

- Buat demonstrasi postur nyanyian secara duduk. Arahkan murid untuk membuat latihan postur yang betul.
- Ulang kaji nyanyian Suara 1 dan Suara 2 sebelum menyanyikan Suara 3.
- Perengarkan Audio 32 kepada murid sebelum memulakan latihan nyanyian.
- Gunakan Audio 22 (Suara 1) dan Audio 24 (Suara 2) untuk membuat latihan nyanyian.
- Gunakan Audio 26 untuk Minus One.



Audio 34: Bunyi Alat Muzik Kordofon  
 Audio 35: Bunyi Alat Muzik Membranofon  
 Audio 36: Bunyi Alat Muzik Idiofon  
 Audio 37: Bunyi Alat Muzik Aerofon  
 Audio 38: Kemahiran Mendengar  
 (Klasifikasi Alat Muzik)

## Alat Muzik di Malaysia

Alat muzik boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan, iaitu kordofon, membranofon, idiofon dan aerofon.

Kordofon ialah alat muzik yang mengeluarkan bunyi dengan menggunakan tali yang bergetar seperti sape, gambus dan rebab.

Membranofon ialah alat muzik yang menghasilkan bunyi apabila kulit yang diregangkan bergetar apabila dipukul atau dipalu seperti kompang, rebana ubi, jidur dan gedombak.

Idiofon ialah alat muzik yang menghasilkan bunyi apabila diketuk, digoncang atau dilagakan seperti bonang, gong, kesi dan marakas.

Aerofon ialah alat muzik yang menghasilkan bunyi akibat udara yang bergetar dengan cara tiupan atau hembusan angin seperti seruling, serunai, nafiri dan pupuik.

34



Alat muzik kordofon

35




Alat muzik membranofon

36



Alat muzik idiofon

37



Alat muzik aerofon

EMK: Patriotisme

Menilai



Sistem *Hornbostel-Sachs* ialah sistem yang digunakan untuk mengelaskan alat muzik dalam empat kumpulan utama, iaitu kordofon, membranofon, idiofon dan aerofon.



38

Dengar Audio 38 dengan teliti. Klasifikasikan alat muzik yang didengari berdasarkan sistem *Hornbostel-Sachs* dalam peta i-Think yang sesuai mengikut kreativiti.

4.1.1 (i-b)  
(ii-b)

- Perengarkan Audio 38 kepada murid.
- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.



### Skel dan Tanda Nada

(a) Skel C major menaik dan menurun pada klef trebel



(b) Skel F major menaik dan menurun pada klef trebel dengan tanda nada



(c) Skel F major menaik dan menurun pada klef bes tanpa tanda nada




(d) Skel F major menurun pada klef trebel dengan tanda nada



(e) Skel F major menaik pada klef bes dengan tanda nada



(f) Skel F major menurun pada klef trebel tanpa tanda nada



(g) Skel F major menaik pada klef bes tanpa tanda nada



(h) Skel G major menaik pada klef trebel dengan tanda nada



(i) Skel G major menaik pada klef trebel tanpa tanda nada







(j) Skel G major menaik pada klef bes dengan tanda nada



(k) Skel G major menaik pada klef bes tanpa tanda nada



(l) Skel D major menaik pada klef trebel dengan tanda nada



(m) Skel D major menaik pada klef trebel tanpa tanda nada



(n) Skel D major menurun pada klef trebel dengan tanda nada



(o) Skel D major menurun pada klef trebel tanpa tanda nada



1. Tulis not skel yang berikut dengan lengkap pada baluk klef trebel.
  - (a) Skel C major menaik.
  - (b) Skel C major menurun.
2. Tulis not skel yang berikut dengan lengkap pada baluk klef bes.
  - (a) Skel F major menurun dengan tanda nada.
  - (b) Skel F major menaik tanpa tanda nada.

Mengaplikasi



3.1.3 (ii, iii)



- Bimbing murid menulis skel dan tanda nada dengan betul.
- Minta murid membuat latihan dalam buku manuskrip.

## Mencipta Corak Irama

### Frasa Soalan dan Frasa Jawapan

Frasa dalam lagu lazimnya wujud dalam bentuk berpasangan. Satu frasa soalan diikuti satu frasa jawapan. Kedua-dua frasa ini mempunyai persamaan dan perbezaan. Teliti persamaan dan perbezaan antara frasa yang berikut.

(a) **Soalan**  **Jawapan** 

(b) **Soalan**  **Jawapan** 

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi



#### Tanda Frasa

Langkah meletakkan tanda frasa pada skor adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan satu frasa (not pertama, tekan kekunci *shift* bersama not terakhir frasa).
2. Klik *Notations* → *line* → simbol slur.



#### Tepuk Ciptaan Frasa

Salin semula frasa soalan dan buat sedikit perubahan untuk menghasilkan frasa jawapan. Kemudian, tepuk hasil ciptaan tersebut.

1. 
2. 
3. 
4. 




Salin semula hasil ciptaan di atas dengan menggunakan komputer. Letakkan tanda frasanya.

## Nama Teknikal

Nama teknikal ialah nama yang diberi berdasarkan kedudukan not dalam skel.


Contoh:

Nama teknikal dalam skel C major.




Contoh:

Nama teknikal dalam skel F major.



Aras not tidak mempengaruhi nama teknikal. Misalnya, pic C dalam nada F major, tidak kira sama ada C pada garisan atau ruangan ialah dominan.



Leading note juga dikenali dengan nama *leading tone* dan subtonik.

Menilai



Kenal pasti nada dan nama teknikal bagi not-not dalam skor di sebelah.





## Pengumpulan Not Semikuaver

Tujuan dan kaedah pengumpulan not kuaver sudahpun dipelajari pada unit terdahulu. Sekiranya terdapat not semikuaver, not tersebut hendaklah dikumpulkan dalam nilai satu not krocet.

Yang berikut ialah contoh pengumpulan not yang betul dan salah yang melibatkan not kuaver dan semikuaver.

(a)  $\frac{3}{4}$  

(b)  $\frac{3}{4}$  

(c)  $\frac{4}{4}$  

(d)  $\frac{4}{4}$  

(e)  $\frac{2}{4}$  



Salin semula corak irama berikut dengan pengumpulan yang betul.



(a)  $\frac{2}{4}$  

(b)  $\frac{3}{4}$  

3.1.2 (iii)  
3.1.3 (i)


• Minta murid menjawab latihan di atas dalam buku manuskrip.




## Penilaian

1. Tulis not bagi skel yang berikut.


(a) Skel C major menaik




(b) Skel G major menurun tanpa tanda nada



(c) Skel D major menaik dengan tanda nada



(d) Skel F major menurun tanpa tanda nada



2. Nyatakan nama teknikal bagi not yang berikut.

(a) Nada C major



i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

(b) Nada G major



i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

(c) Nada F major




i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

3. Salin semula corak irama berikut dengan pengumpulan yang betul.







4. Nyatakan jarak pic mata piano berikut dalam ton atau semiton.




(a) \_\_\_\_\_



(b) \_\_\_\_\_



(c) \_\_\_\_\_




(d) \_\_\_\_\_

5. Tulis tanda nada pada baluk yang berikut. Tulis not (semibrif) yang mewakili nama teknikal bagi nada yang dinyatakan.




(a) C major, median.




(b) D major, submedian.




(c) C major, supertonik.



(d) D major, subdominan.



(e) G major, dominan.



(f) F major, tonik.

6. Nyatakan empat jenis pengelasan alat muzik mengikut sistem *Hornbostel-Sachs*. Berikan tiga contoh alat muzik bagi setiap kelas.

(a) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_

(c) \_\_\_\_\_

(d) \_\_\_\_\_

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.



# UNIT 4

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Menyanyikan lagu dalam tiga lapisan suara dengan pic yang betul, mengetahui nilai murni dan disiplin sebagai penyanyi dan mengaplikasikan dalam aktiviti nyanyian, mempelajari serta mengaplikasikan teknik kawalan pernafasan dalam nyanyian.
- ▶ Menggunakan teknik improvisasi dalam penciptaan corak irama dan mencipta melodi.
- ▶ Bermain dalam ensemble orkestra mini dengan mengaplikasikan nilai-nilai murni.
- ▶ Membina dan memainkan triad tonik.

- 1.1.2 - Bernyanyi tiga lapisan suara (i - pic yang betul. iii - teknik kawalan pernafasan yang betul).
- 1.1.3 - Bernyanyi dengan mengamalkan (i - nilai murni. ii - disiplin sebagai pemuzik. iii - etika penyanyi sebelum, semasa dan selepas persembahan).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. ii - irama yang betul. iii - tempo yang betul. iv - teknik yang betul. v - ton yang sesuai. vii - membaca skor muzik).
- 3.1.5 - Menulis triad tonik dalam klef trebel dan klef bes (i - C major. ii - G major. iii - D major).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (i - mencipta melodi. ii - mencipta corak irama).

- ▶ Nyanyian yang baik bermaksud penyanyi mampu menghabiskan satu frasa dalam senafas. Nyanyian yang baik dapat dilakukan sekiranya penyanyi dapat mengawal pernafasan dengan betul. Terdapat empat fasa kawalan pernafasan, iaitu menarik nafas, berhenti seketika, hembus nafas dan pulih semula.



## Nyanyian Tiga Lapisan Suara



(a) Lakukan latihan nyanyian *staccato*.  
Contoh :

39

Hah Hah Hah Hah Hah Hah Hah Hah

Hah Hah Hah HahHah Hah Hah HahHah Hah Hah HahHah Hah Hah Hah

(b) Nyanyikan lagu *Alam Indah I* mengikut skor.

### Alam Indah I

40 → 47

Ciptaan: Nurjuliana binti Redzuan  
Gubahan: Izyan Hazwani binti Abdol Rahaman

♩ = 98

Suara 1  
Bu-lan pur-na-ma Bin-tang me-nyi-nar Me-na-ri-lah Ber-se-ri-lah

Suara 2  
La la la la La la la La

Suara 3  
La la la la La la la La

6 Bm C F G  
Suara 1  
Re-dup dan di-ngin-nya A-ngin yang ber-hem-bus Ter-in-dah-nya

Suara 2  
A-ngin yang ber-hem-bus Ter-in-dah-nya

Suara 3  
Ter-in-dah-nya





Menganalisis

EMK: Nilai murni

Latihan Koir  
Tempat:  
Dewan Shahrudin

Raptai  
Pertandingan

Pertandingan  
Peringkat  
Negeri Johor


Tempat:  
Persada  
Johor Bahru

Masa:  
7:30 pagi – 5:30 petang

Isn	Sel	Rab	Kha	Jum	Sab	Aha
					1	2
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

1.1.2 (i)  
1.1.3 (i, ii)

- Perengarkan keseluruhan lagu *Alam Indah I* kepada murid.
- Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan kecil bagi membincangkan tajuk nilai murni dalam ensembel nyanyian dan disiplin penyanyi.



## Mencipta Corak Irama - Improvisasi

Frasa jawapan boleh dicipta dengan membuat pengubahsuaian atau improvisasi ke atas frasa soalan. Yang berikut ialah beberapa contoh pengubahsuaian.

Frasa soalan                      Frasa jawapan

(a)  $\frac{2}{4}$

Not krocet telah dipecahkan kepada dua not kuaver

(b)  $\frac{3}{4}$

Dua not kuaver telah disambungkan menjadi krocet

(c)  $\frac{4}{4}$

Not minim telah dipecahkan kepada dua krocet

(d)  $\frac{4}{4}$

Krocet dan dua kuaver telah bertukar tempat

(e)  $\frac{4}{4}$

Dua not ini telah disambungkan dengan menggunakan tie



### Mengubah Nilai Not Krocet kepada Not Kuaver

Langkah mengubah nilai satu not krocet kepada dua not kuaver adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan not krocet.
2. Klik not kuaver pada pad kekunci.
3. Tekan kekunci R pada papan kekunci untuk mengulang not kuaver.

## Muzik dan Komputer

Terdapat pelbagai *tools* dalam perisian muzik, iaitu *keypad*, *navigator*, *mixer*, *keyboard*, *fretboard*, *ideas*, *transport*, video dan *timeline*.

Hanya *tools* tertentu sesuai dipaparkan bertujuan memudahkan tugas dan mengelakkan kesesakan paparan di monitor komputer.


EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi



### Memaparkan Ikon Menu



Langkah memaparkan ikon menu adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *View* → *Panels* dan aktifkan *tools* dikehendaki.



Menganalisis

Buat improvisasi berdasarkan contoh yang telah dipelajari.



5.1.1 (ii)

• Bimbing murid mengembangkan corak irama.

## Orkestra Mini

Orkestra ialah ensembel muzik yang terdiri daripada sekumpulan pemuzik yang memainkan pelbagai jenis alat muzik. Alat muzik orkestra dikategorikan kepada jenis alat bras (brass), alat tiup kayu (woodwind), alat bertali (string) dan perkusi (percussion). Orkestra mini pula ialah kumpulan ensembel muzik yang kecil dari segi bilangan ahli dan alat muzik.



A21: Kerja sepasukan

### Pulang Merantau

48

Ciptaan: Zubir Said

$\text{♩} = 90$

Vokal  
Ja - uh ki - to ma - ran - tau pa - i ma - ran - tau La - man kam - puang se - la -

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano



4

Vokal  
lu ta - ka-nang ju - o. Pu - lang-lah ki - to pu - lang ma - ri - lah pu-lang.

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin


Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

A musical score for a band and vocal ensemble. The score is written in 4/4 time and features a key signature of one flat (B-flat). The instruments and their parts are: Vocal (with lyrics), Flute, Clarinet B-flat, Alto Saxophone, Tenor Saxophone, Trumpet B-flat, Trombone, Violin, Gambus, Electric Guitar (Gitar), Bass Guitar (Gitar Bes), and Piano. The vocal line is the most prominent, with lyrics: "lu ta - ka-nang ju - o. Pu - lang-lah ki - to pu - lang ma - ri - lah pu-lang." The instrumental parts provide harmonic support and rhythmic accompaniment.



7

Vokal

Ba-su-o ka-wan ka-wan nan sa-mo ga-dang

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar


Gitar Bes

Piano

1.

2.

A musical score for a band and vocal ensemble. The score is written in a key signature of two flats (B-flat major or D minor) and a 4/4 time signature. It consists of 12 staves. The top staff is for the vocal line, with the lyrics "Ba-su-o ka-wan ka-wan nan sa-mo ga-dang" written below the notes. The second staff is for the flute. The third staff is for the clarinet in B-flat. The fourth staff is for the alto saxophone. The fifth staff is for the tenor saxophone. The sixth staff is for the trumpet in B-flat. The seventh staff is for the trombone. The eighth staff is for the violin. The ninth staff is for the gambus. The tenth staff is for the guitar, showing a complex chordal accompaniment. The eleventh staff is for the bass guitar. The twelfth staff is for the piano, showing a simple accompaniment. The score is divided into two systems, with a first ending (1.) and a second ending (2.) indicated by brackets and repeat signs.



12

Vokal  
Hei rang mu - do ma-ri-lah ki-to pu-lang

Flut

Klarinet  
B $\flat$

Saksofon  
Alto

Saksofon  
Tenor

Trompet  
B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar  
Bes

Piano

2.1.1 (i, iii, vii)

• Bimbing murid bermain alat musik dengan pic dan tempo yang betul.

## Ton dalam Musik

Ton ialah kualiti bunyi yang terhasil daripada alat muzik. Ton yang baik dihasilkan dengan teknik permainan alat muzik yang betul.

Mainkan skor lagu *Surprise Symphony* di bawah.



### Surprise Symphony

Gubahan: Mastor Jarkaseh

Mengaplikasi

49

58

Vokal

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

Do do mi mi so mi fa fa re re ti so Do do mi mi so mi re re ti ti do do





Audio 59: Latihan Nyanyian Kawalan Pernafasan

*Alam Indah II*

Audio 60: Vokal (Suara 1, 2 dan 3)

Audio 61: Vokal (Suara 1)

Audio 62: Instrumental (Suara 1)

Audio 63: Vokal (Suara 2)

Audio 64: Instrumental (Suara 2)

Audio 65: Vokal (Suara 3)

Audio 66: Instrumental (Suara 3)

Audio 67: Minus One

## Nyanyian Tiga Lapisan Suara



(a) Lakukan latihan nyanyian dengan kawalan pernafasan empat fasa.

59 

(b) Nyanyikan skor lagu *Alam Indah II* dengan pic yang betul. Terapkan etika sebagai ahli koir.

Mengaplikasi

60 → 67

### Alam Indah II

Ciptaan: Nurjuliana binti Redzuan

Gubahan: Izyan Hazwani binti Abdol Rahaman

$\text{♩} = 98$

Suara 1

Suara 2

Suara 3

Ma - ta - ha - ri ber - sa - ma a - wan La - ngit mur - ni bum - bung ang - ka - sa

Ma - ta - ha - ri ber - sa - ma a - wan La - ngit mur - ni bum - bung ang - ka - sa

La la bum - bung ang - ka - sa

6

Suara 1

Suara 2

Suara 3

Me - gah in - dah du - ni - a - ku Me - nyi - na - ri - lah a - lam - ku

Me - gah in - dah du - ni - a - ku Me - nyi - na - ri lah a - lam - ku

Me - nyi - na - ri lah a - lam - ku

## Etika Ahli Koir

### Sebelum Latihan

- Bersedia beberapa minit lebih awal sebelum masa latihan yang telah ditetapkan.
- Bersedia dengan skor koir yang telah diberikan.

### Semasa Latihan

- Sentiasa mengikut arahan ketua atau konduktor.
- Sentiasa memperbaiki perkara yang ditegur oleh ketua, contohnya aspek keseimbangan bunyi, teknik nyanyian dan sebagainya.

### Selepas Latihan

- Pastikan semua peralatan muzik disimpan dengan baik di tempat yang sepatutnya bagi mengelakkan sebarang kerosakan.
- Mengucapkan terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sebagai penghargaan.



Tonton persembahan Koir Kebangsaan di Internet. Berdasarkan video tersebut, bincangkan dalam kumpulan tentang etika sebagai ahli koir, kemudian bentangkan hasil perbincangan masing-masing.



Menganalisis

A21: Bermaklumat

1.1.2 (i, iii-b)  
1.1.3 (iii)

- Bahagikan murid kepada tiga kumpulan untuk menyanyikan Suara 1, Suara 2 dan Suara 3 lagu *Alam Indah II*.
- Bimbing murid menyanyikan lagu tersebut dengan pic yang betul.

## Triad Tonik

Triad tonik terdiri daripada not asas, not ketiga dan not kelima dari satu skel yang disusun secara menegak. Misalnya, triad tonik C major terdiri daripada not C (asas), E (ketiga) dan G (kelima) daripada skel C major.

Skel dan triad tonik C major

(a)

Triad tonik C major

Skel C major

(b)

Skel dan triad tonik F major dengan tanda nada

(c)

Skel dan triad tonik F major tanpa tanda nada

(d)

Skel dan triad tonik G major dengan tanda nada

(e)

Skel dan triad tonik G major tanpa tanda nada

(f)



Skel dan triad tonik D major dengan tanda nada



Skel dan triad tonik D major tanpa tanda nada



### Mengeja Triad Tonik

A21: Mahir berkomunikasi

Pilih seorang pemain dan minta pemain tersebut mengeja kandungan pic bagi triad tonik yang dinyatakan.


Contoh: Triad tonik C major terdiri daripada C, E, G.




Buat latihan menulis triad tonik di bawah.



1. Lengkapkan triad tonik yang berikut.



(a) F major



(b) G major



(c) C major




(d) D major

2. Lengkapkan triad tonik yang berikut.




(a) F major



(b) G major



(c) C major



(d) D major

3.1.5 (i, ii, iii)

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.



Audio 68: Latihan Kawalan Pernafasan

*Alam Indah III*

Audio 69: Vokal (Suara 1, 2 dan 3)

Audio 70: Vokal (Suara 1)

Audio 71: Instrumental (Suara 1)

Audio 72: Vokal (Suara 2)

Audio 73: Instrumental (Suara 2)

Audio 74: Vokal (Suara 3)

Audio 75: Instrumental (Suara 3)

Audio 76: Minus One

## Nyanyian Tiga Lapisan Suara



(a) Tarik nafas dengan teknik yang betul dan hembuskan nafas dengan bunyi "Hissss" sepanjang 16 kiraan detik. **68**

(b) Nyanyikan lagu *Alam Indah III*.

Mengaplikasi

69 → 76

### Alam Indah III


Ciptaan: Nurjuliana binti Redzuan

Gubahan: Izyan Hazwani binti Abdol Rahaman

The musical score for "Alam Indah III" is presented in three systems. The first system covers measures 1-4, the second system covers measures 5-8, and the third system covers measures 9-12. Each system has three vocal staves (Suara 1, Suara 2, Suara 3) and a piano accompaniment staff. The lyrics are in Malay. The tempo is marked as 98. Dynamics include *mf* and *mp*. Chords are indicated above the staves.

#### 1.1.2 (i, iii - b)

- Minta seorang murid mengetahui latihan pernafasan *hissing*.
- Perengarkan lagu *Alam Indah III* kepada murid.
- Bimbing murid menyanyikan lagu *Alam Indah III*.
- Setelah mahir, bahagikan murid kepada kumpulan Suara 1, Suara 2 dan Suara 3. Setiap kumpulan menyanyikan bahagian masing-masing. Bimbing murid menyanyikan lagu ini dengan pic yang tepat.




## Mencipta Melodi

Melodi ialah pergerakan pic secara mendatar, menaik dan menurun. Terdapat juga melodi yang mengandungi gabungan pergerakan menaik, mendatar dan menurun.



Yang berikut ialah contoh melodi berdasarkan corak irama seperti yang di atas.




### Mengubah Pic Melodi

Langkah mengubah pic melodi adalah seperti yang berikut:  
Gunakan kekunci anak panah (arrow) komputer untuk mengubah pic sesuatu not.

1. Serlahkan satu not yang hendak diubah.
2. Tekan kekunci anak panah naik atau turun untuk meninggikan atau merendahkan pic.

Gunakan pad kekunci anak panah ke kiri untuk ke not sebelumnya dan ke kanan untuk ke not selepasnya.



Pad kekunci anak panah pada papan kekunci komputer.



### Mencipta Melodi

Hasilkan empat melodi yang mempunyai corak irama yang sama.




## Penilaian


1. Ciptakan frasa jawapan bagi corak irama yang berikut.




2. Tandakan pada keyboard bagi membentuk triad tonik yang berikut.




(a) F major (Contoh)



(b) G major



(c) C major



(d) D major

3. Ciptakan melodi empat bar menggunakan corak irama yang berikut.





4. Disiplin merupakan faktor utama menentukan kejayaan sesuatu raptai atau latihan muzik. Berdasarkan gambar di atas, bincangkan amalan disiplin yang baik semasa latihan ensemble muzik di sekolah.

5. Jawab soalan berdasarkan skor yang berikut.

Beethoven

- Jelaskan maksud simbol  $\frown$ .
- Jelaskan maksud simbol  $\text{—}$  pada bar 12.
- Nyatakan nama pic dalam bulatan bertanda P, Q, R dan S.

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.





# UNIT 5

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Menyanyikan lagu dalam tiga lapisan suara dengan teknik kawalan pernafasan dan mengaplikasikan dinamik mengikut skor.
- ▶ Memahami fungsi muzik dalam kehidupan, menghargai muzik, mengenal pasti identiti pelbagai muzik masyarakat Melayu dan masyarakat Sarawak dari segi genre, latar belakang, alat-alat muzik yang digunakan dan cara muzik dipersembahkan. Membuat ulasan ringkas tentang audio yang diperdengarkan dan video yang dipertontonkan.
- ▶ Membuat pengumpulan not, menyatakan jeda dalam skel C major dan D major serta menjelaskan maksud terminologi dan simbol muzik secara ringkas.
- ▶ Bermain dalam ensembel orkestra mini lagu *Aura Lee*.
- ▶ Mencipta corak irama berasaskan pantun.

- 1.1.2 - Bernyanyi tiga lapisan suara (iii - teknik kawalan pernafasan yang betul. iv - mengaplikasikan dinamik yang sesuai).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. iv - mengaplikasikan dinamik yang sesuai. vii - membaca skor muzik).
- 3.1.2 - Menulis meter lazim  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$ ,  $\frac{4}{4}$  dengan menekankan (iii - pengumpulan not).
- 3.1.4 - Menulis jeda dalam klef trebel dan klef bes bermula pada not tonik dalam skel C, G, D dan F major (i - major ke-2. ii - major ke-3. iii- perfek ke-4. iv - perfek ke-5).
- 3.1.6 - Membaca, memahami dan menulis terminologi dan simbol muzik (iii - arahan persembahan. iv - tanda artikulasi).
- 4.1.1 - Membuat ulasan muzik Malaysia yang didengar atau ditonton (i - muzik masyarakat Melayu. ii - muzik masyarakat Sarawak).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (i - mencipta melodi).

- ▶ Not bernilai seperti minim, minim bertitik dan semibrif tidak perlu dikumpulkan kerana tidak mempunyai palang (beam). Not perlu ditulis tepat pada detik dan bukannya di antara detik.



## Nyanyian Tiga Lapisan Suara

(a) Lakukan latihan nyanyian:



- (i) Teknik *hissing* sepanjang 16 kiraan detik.
- (ii) Latihan nyanyian *staccato*.
- (iii) Nyanyian skel dengan mengaplikasikan dinamik *crescendo* dan *decrescendo*.

### Alam Indah

- Audio 77: Vokal (Suara 1, 2 dan 3)
- Audio 78: Vokal (Suara 1)
- Audio 79: Instrumental (Suara 1)
- Audio 80: Vokal (Suara 2)
- Audio 81: Instrumental (Suara 2)
- Audio 82: Vokal (Suara 3)
- Audio 83: Instrumental (Suara 3)
- Audio 84: Minus One

Mengaplikasi

A21: Kerja sepasukan

(b) Nyanyikan lagu *Alam Indah* mengikut skor.

### Alam Indah

77 → 84

Ciptaan: Nurjuliana binti Redzuan  
Gubahan: Izyan Hazwani binti Abdol Rahaman

$\text{♩} = 98$

**System 1 (Measures 1-4):**

- Suara 1:** Bu-lan pur-na-ma Bin-tang me-nyi-nar Me-na-ri-lah Ber-se-ri-lah
- Suara 2:** La la la la La
- Suara 3:** La la la la La

**System 2 (Measures 5-8):**

- Suara 1:** Re-dup dan di-ngin-nya A-ngin yang ber-hem-bus Ter-in-dah-nya
- Suara 2:** A-ngin yang ber-hem-bus Ter-in-dah-nya
- Suara 3:** Ter-in-dah-nya

**System 3 (Measures 9-12):**

- Suara 1:** Ma-ta-ha-ri ber-sa-ma a-wan La-ngit mur-ni bum-bung ang-ka-sa
- Suara 2:** Ma-ta-ha-ri ber-sa-ma a-wan La-ngit mur-ni bum-bung ang-ka-sa
- Suara 3:** La la bum-bung ang-ka-sa



14 G C G C

Suara 1  
Me-gah in-dah du-ni-a-ku Me-nyi-na-ri-lah a-lam-ku

Suara 2  
Me-gah in-dah du-ni-a-ku Me-nyi-na-ri-lah a-lam-ku

Suara 3

18 C C C C

Suara 1  
Ha-li-ce-ri-a Ha-fi-gem-bi-ra Li-hat bu-lan Ma-ta-ha-ri  
*mf*

Suara 2  
La la la la La la la La  
*mp*

Suara 3  
La la la la La la la La  
*mp*

22 Bm C F C

Suara 1  
Ma-ri-lah ka-wan-kui Me-nya-nyi me-na-ri Ber-sa-ma sa-ma

Suara 2  
Me-nya-nyi me-na-ri Ber-sam-ma sa-ma

Suara 3  
Ber-sa-ma sa-ma

1.1.2 (iii-b, iv)

- Galakkan murid mengetahui latihan nyanyian dengan menggunakan Audio 20, Audio 39 dan Audio 69.
- Perengarkan keseluruhan lagu *Alam Indah* kepada murid sebelum bernyanyi.
- Bahagikan murid kepada kumpulan Suara 1, Suara 2 dan Suara 3.

## Fungsi Muzik dalam Kehidupan



### Dikir Barat



Dikir barat merupakan muzik tradisional Melayu yang popular di negeri Kelantan. Dikir barat yang diketuai oleh tukang karut dan tok juara dipersembahkan secara berkumpulan. Tukang karut memainkan peranan utama, iaitu beliau akan berpantun dan bersyair. Tok juara merupakan orang kedua penting yang bertindak sebagai ketua awok-awok. Tugasnya berdirik sebelum tukang karut 'mengarut'. Awok-awok ialah sekumpulan orang yang berdirik dengan mengikut atau mengulangi lirik lagu yang didendangkan oleh tok juara dan tukang karut secara beramai-ramai. Mereka bertindak sebagai penyanyi latar yang bernyanyi dengan kuat dan lantang. Alat muzik yang digunakan sewaktu persembahan dikir barat ialah rebana, tetawak, canang dan marakas.

4.1.1 (i-a, b, c, d, e, ii-c)

- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan latar belakang, alat muzik, fungsi dan cara persembahan dalam muzik dikir barat.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan masing-masing.

## Pengumpulan Not Minim, Minim Bertitik dan Semibrif

Yang berikut ialah contoh pengumpulan not yang betul dan yang salah.

(a)  $\frac{4}{4}$

(b)  $\frac{3}{4}$



Menilai

EMK: Kreativiti dan Inovasi

1. Tulis semula keratan irama yang berikut dengan pengumpulan not-not yang betul.

(a)  $\frac{3}{4}$

(b)  $\frac{4}{4}$

(c)  $\frac{2}{4}$

2. Tulis semula keratan irama yang berikut dan letakkan garis bar di tempat yang betul.

(a)  $\frac{2}{4}$

(b)  $\frac{3}{4}$

# Orkestra Mini



Mainkan skor ensemble berikut dengan mengamalkan nilai murni yang baik.

Mengaplikasi

EMK: Nilai Murni


## Aura Lee

85

Gubahan: Mastor Jarkaseh

The musical score is arranged in a grand staff format with the following parts from top to bottom:

- Vokal:** Includes lyrics: *mf* As the black-bird in the spring 'neath the willow tree, sat and piped I heard him sing praising Au-ra Lee
- Flut:** *mf*
- Klarinet B $\flat$ :** *mf*
- Saksofon Alto:** *mf*
- Saksofon Tenor:** *mf*
- Trompet B $\flat$ :** *mf*
- Trombon:** *mf*
- Violin:** *mf*
- Gambus:** *mf*
- Gitar:** *mf*
- Gitar Bes:** *mf*
- Piano:** *mf*



9

Vokal

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

*p* *f* *p* *mf*

A - a - a - a Oo - o - o Aa - a - a - a O - o - o

2.1.1 (i, vi, vii)

- Buat latihan pemanasan dan penalaan alat musik sebelum memainkan skor.
- Bimbing murid bermain musik dengan ekspresi mengikut skor.

## Mencipta Corak Irama Meter $\frac{4}{4}$ Berdasarkan Pantun

Bait pantun boleh dijadikan lirik lagu dan disusun dalam bentuk corak irama. Pantun dua kerat boleh dijadikan corak irama.

Tak tumbuh tak melata - mengandungi tujuh suku kata  
 Tak sungguh orang tak kata - mengandungi lapan suku kata

Bar satu dan dua adalah untuk baris pertama pantun, manakala bar tiga dan empat adalah untuk baris kedua. Bar satu dan dua mengandungi tujuh not untuk tujuh suku kata. Bar tiga dan empat pula mengandungi lapan not untuk lapan suku kata.

$\frac{4}{4}$   |  ||

Tak tum-buh tak me - la - ta Tak sung-guh orang tak ka - ta.

Ubah suai not untuk mencukupkan satu not bagi satu suku kata.

$\frac{4}{4}$   |  ||

Tak tum-buh tak me - la - ta Tak sung-guh o-rang tak ka - ta.

Ubah suai not mengikut kreativiti.

$\frac{4}{4}$   |  ||

Tak tum-buh tak me - la - ta Tak sung-guh o-rang tak ka - ta.

Gunakan idea sendiri untuk mencipta dan membuat improvisasi corak irama sedia ada.



Cipta corak irama empat bar meter  $\frac{4}{4}$  daripada bait pantun dua kerat yang berikut:  
 Pat pat nya,  
 Siapa dapat dia punya.



### Menulis Lirik pada Not

Langkah menulis lirik pada not adalah seperti yang berikut:

1. Pilih menu *Text*.
2. Serlahkan not.
3. Pilih *Lyrics*, taip lirik.
4. Tekan bar ruang (space bar) untuk perkataan baharu. Tekan papan kekunci tolak (-) untuk menaip suku kata dalam perkataan yang sama.



## Muzik Masyarakat Sarawak

### Ensembel Gong Besar Sarawak

EMK: Patriotisme

A21: Bersifat ingin tahu

Ensembel gong besar Sarawak merupakan genre muzik etnik. Alat-alat muziknya terdiri daripada beberapa buah gong dan gendang. Bilangan dan jenis gong yang digunakan bergantung pada sesuatu kaum kerana terdapat perbezaan antara satu kaum dengan kaum yang lain. Fungsi ensembel gong besar adalah untuk memeriahkan satu keramaian dan juga untuk upacara ritual.



Menganalisis

4.1.1 (ii-a, b, c)

- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan latar belakang, alat muzik, fungsi dan cara persembahan dalam ensembel gong besar Sarawak.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan masing-masing.



## Jeda

Jeda ialah jarak antara dua not. Jeda sentiasa dikira dari pic rendah ke pic tinggi.

Jeda dalam skel C major



- M2 Major ke-2
- M3 Major ke-3
- P4 Perfek ke-4
- P5 Perfek ke-5

(a)

(b)


Jeda dalam skel D major

(a)

(b)



1. Tulis not jeda major ke-2, major ke-3, perfek ke-4 dan perfek ke-5 pada baluk klef trebel dan klef bes dalam nada G major.
2. Tulis not jeda major ke-2, major ke-3, perfek ke-4 dan perfek ke-5 pada baluk klef trebel dan klef bes dalam nada F major.



## Terminologi dan Simbol Musik

Terminologi dan simbol musik merupakan arahan persembahan, isyarat atau lambang yang terdapat pada skor musik. Terminologi bertujuan memberikan arahan persembahan kepada pemuzik.



Teliti skor di bawah dan bincangkan terminologi muzik yang terdapat di dalamnya.

### Dahil Sa Iyo



Ciptaan: Mike Vilarde

$\text{♩} = 80$

7

12

18

25

30

35

3.1.4 (i, ii, iii, iv)  
3.1.6 (iii, iv)


## Muzik Masyarakat Melayu

EMK: Patriotisme

A21: Bersifat ingin tahu

### Caklempong

Muzik caklempong yang terkenal di Negeri Sembilan berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Muzik caklempong dibawa masuk ke Malaysia oleh masyarakat Minangkabau sekitar abad ke-14 hingga ke-19. Alat muzik yang digunakan ialah gereteh, sauwa, tingkah, canang, serunai, bangsi, gendang aduak dan gendang sarunai.



4.1.1 (i-a, b, c, d, e)

- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkenaan dengan latar belakang, alat muzik, fungsi dan cara persembahan dalam muzik caklempong.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan masing-masing.



## Ulasan Muzik

### Kemahiran Mendengar

A21: Pemikir



86



Teliti dan bincangkan borang ulasan di bawah.

Nama : Roslan bin Johan Tarikh : 18 Oktober 20\_\_

Nama Persembahan : Dikir Barat Cahaya Bulan

Jenis Muzik:

<input checked="" type="checkbox"/>	Muzik Masyarakat Melayu	<input type="checkbox"/>	Muzik Masyarakat Sarawak
-------------------------------------	-------------------------	--------------------------	--------------------------

Instrumen:

Idiofon	Membranofon	Aerofon	Kordofon
Tetawak Marakas Canang	Rebana		

Rating: Saya beri audio ini.....

★ ★ ★ ☆ ☆

Gambarkan dengan perkataan berkenaan audio yang telah anda dengar.

1. Menarik
2. Bersemangat
3. Bekerjasama

### Membuat Ulasan Persembahan



Teliti dan bincangkan borang ulasan di bawah. Tonton video muzik Malaysia dan isi borang tersebut.

Tajuk Persembahan	
Genre	
Tempo	
Dinamik	

Alat muzik yang digunakan:

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Adakah kamu suka persembahan ini? Bulatkan pilihan kamu.



Saya suka/tidak suka persembahan muzik ini kerana...

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4.1.1 (i, ii)

- Bimbing murid membuat ulasan persembahan.
- Galakkan murid membentangkan ulasan dengan kaedah *gallery walk*. Terima semua pendapat yang diberikan oleh murid, tiada jawapan yang salah.

## Mencipta Corak Irama Meter $\frac{3}{4}$ Berdasarkan Pantun

Terdapat banyak cara untuk menghasilkan corak irama daripada pantun. Lazimnya penciptaan bermula dengan menetapkan bilangan bar. Yang berikut ialah ciptaan corak irama lapan bar menggunakan pantun.

- Lain hulu lain parang - Bar satu hingga empat (lapan suku kata)
- Lain dahulu lain sekarang - Bar lima hingga lapan (10 suku kata)



Ubah suai not untuk mencukupkan satu not satu suku kata.

$\frac{3}{4}$  La - in hu-lu la - in pa-rang. La-in da - hu-lu la - in se-ka-rang.

Cipta corak irama dengan mengubah suai not dua krocet.

$\frac{3}{4}$  La - in hu-lu la - in pa-rang. La-in da - hu-lu la - in se-ka-rang.

Guna tanda rehat yang sesuai mengikut kreativiti.

$\frac{3}{4}$  La - in hu-lu la - in pa-rang. La-in da - hu-lu la - in se-ka-rang.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



Cipta corak irama empat bar meter  $\frac{3}{4}$  daripada bait pantun dua kerat yang berikut:

Orang berbudi kita berbahasa,  
Orang memberi kita merasa.




### Menukar Saiz dan Fon

Langkah menukar saiz dan fon lirik adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan semua bar.
2. Pilih *Home* → *Filter* → *Lyric*.
3. Ubah jenis fon atau saiz huruf.

- Minta murid mempersembahkan karya mereka untuk perbincangan.
- Jelaskan konsep anakrusis jika perlu.



## Penilaian

1. Tandakan  untuk pengumpulan yang betul,  untuk pengumpulan yang salah.

(a)  $\frac{4}{4}$

(b)  $\frac{4}{4}$

(c)  $\frac{3}{4}$

(d)  $\frac{2}{4}$

2. Jelaskan simbol bertanda a, b, c, d, e, f dan g secara ringkas.

(a)

(b)

(c)

(d)


(e)

(f)

(g)



3. Namakan jeda-jeda yang berikut.



4. Manusia sentiasa mendengar muzik. Contohnya, mendengar muzik di dalam kereta, pasar raya, majlis, pejabat dan restoran.  
Jelaskan empat fungsi atau tujuan muzik dalam kehidupan.

5. Nyatakan peranan ahli yang berikut dalam persembahan dikir barat.

- (a) Tok juara
- (b) Tukang karut
- (c) Awok-awok
- (d) Pemuzik

6. Jelaskan ciri-ciri segmen yang berikut dalam persembahan dikir barat.

- (a) Bertabuh
- (b) Mengarut

7. Namakan alat muzik yang lazim digunakan dalam persembahan gong besar Sarawak.

8. Ensembel gong besar dimainkan pada masa atau acara-acara tertentu.

Jelaskan fungsi ensembel gong besar dimainkan.

---

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.





# UNIT 6

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Menyanyikan lagu dalam tiga lapisan suara dengan pic, tempo dan teknik yang betul serta mengaplikasikan nilai murni yang telah dipelajari.
- ▶ Mengulang kaji jeda melalui aktiviti, mempelajari elemen dalam konsep muzik serta menganalisis skor.
- ▶ Mencipta skor melodi lengkap, mencipta lagu suasana riang berdasarkan rangsangan serta menukar tempo lagu menggunakan perisian muzik.
- ▶ Bermain lagu dalam orkestra mini.
- ▶ Menghargai serta mengenal pasti identiti muzik ghazal dari segi genre, latar belakang, alat muzik yang digunakan, fungsi muzik dan cara muzik tersebut dipersembahkan.

- 1.1.2 - Bernyanyi lagu tiga lapisan suara (i - pic yang betul. ii - tempo yang betul).
- 1.1.3 - Bernyanyi dengan mengamalkan (i - nilai murni dalam aktiviti muzik).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. ii - irama yang betul. iii - tempo yang betul).
- 3.1.1 - Membaca dan menulis notasi pada klef trebel dan klef bes sehingga satu garis leger.
- 3.1.2 - Menulis meter lazim  $\frac{2}{4}$ ,  $\frac{3}{4}$ ,  $\frac{4}{4}$ .
- 3.1.3 - Menulis pada baluk skel C, G, D dan F major dalam klef trebel dan klef bes dengan menyatakan (i - nama teknikal dalam skel).
- 3.1.4 - Menulis jeda dalam klef trebel dan klef bes bermula pada not tonik dalam skel C, G, D dan F major (i - Major ke-2. ii - Major ke-3. iii - Perfek ke-4. iv - Perfek ke-5).
- 4.1.1 - Membuat ulasan muzik Malaysia yang didengar atau ditonton (i - muzik masyarakat Melayu).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik dengan menggunakan perisian muzik (i - mencipta melodi).

- ▶ Pengetahuan mengenai skel ialah asas kepada melodi dan harmoni dalam muzik. Daripada skel, dapat diketahui tanda nada, nama teknikal, triad dan jeda.





## Nilai Murni dalam Aktiviti Muzik

EMK: Nilai Murni

A21: Berprinsip

Nilai murni penting bagi mempertingkatkan sahsiah diri. Bincangkan nilai murni yang berikut dalam konteks aktiviti muzik yang disertai.

**PATRIOTISME** **KEBERANIAN**  
**KEADILAN** *Kasih Sayang* **RASIONAL**  
**KERAJINAN** **BAIK HATI** **HEMAH TINGGI**  
**KESYUKURAN** **KEBEBASAN** **BERDIKARI** **HORMAT** **KEJUJURAN**  
**KEBERSIHAN** **BERDIKARI** **HORMAT**  
**KESEDERHANAAN** **KERJASAMA** **KEJUJURAN**



Buat perbincangan mengenai nilai murni dalam aktiviti nyanyian. Bentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

# Latihan Nyanyian



Audio 87: Latihan Nyanyian 1  
 Audio 88: Latihan Nyanyian 2  
*Malaysiaku Sayang I*  
 Audio 89: Vokal (Suara 1, 2 dan 3)  
 Audio 90: Vokal (Suara 1)  
 Audio 91: Instrumental (Suara 1)

Audio 92: Vokal (Suara 2)  
 Audio 93: Instrumental (Suara 2)  
 Audio 94: Vokal (Suara 3)  
 Audio 95: Instrumental (Suara 3)  
 Audio 96: Minus One

(a) Nyanyikan skel berikut dengan kombinasi vokal “a” dan konsonan.

Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na Na

87

(b) Nyanyikan skel berikut dengan kombinasi vokal dan konsonan “m”.

Ma Me Mi Mo Mu

88

(c) Nyanyikan lagu *Malaysiaku Sayang I* mengikut skor.

## Malaysiaku Sayang I

Ciptaan: Amirul Iyqam bin Amran  
 Gubahan: Nurjuliana binti Redzuan

*♩ = 60*

Suara 1  
 Oh ne - ga - ra - ku Ma - lay - si - a ter - cini - ta oh Ma - lay - si - a -

Suara 2  
 Hu hu ber - se - ja - rah bu - da - ya

Suara 3  
 Hu ber - se - ja - rah Hun

Suara 1  
 ya oh Ma - lay - sia ne - ga - ra - ku

Suara 2  
 Ma - lay - si - a Oo ne - ga - ra - ku

Suara 3  
 Ma - lay - si - a Oo ne - ga - ra - ku

89

96

## Nyanyian Tiga Lapisan Suara



- (a) Lakukan latihan nyanyian:
  - (i) teknik *bubbling*
  - (ii) nyanyian arpeggio menaik dan menurun.
- (b) Nyanyikan lagu *Malaysiaku Sayang* mengikut skor.

### Malaysiaku Sayang

- Audio 97: Vokal (Suara 1, 2 dan 3)
- Audio 98: Vokal (Suara 1)
- Audio 99: Instrumental (Suara 1)
- Audio 100: Vokal (Suara 2)
- Audio 101: Instrumental (Suara 2)
- Audio 102: Vokal (Suara 3)
- Audio 103: Instrumental (Suara 3)
- Audio 104: Minus One

EMK: Patriotisme

A21: Kerja sepasukan

## Malaysiaku Sayang

Ciptaan: Amirul Iyqram bin Amran  
Gubahan: Nurjuliana binti Redzuan

*♩ = 60*

**Measures 1-4:** Chords: C, D. Lyrics: Oh ne-ga-ra-ku Ma-lay-si-a ter-cin-ta oh Ma-lay-si-a. Dynamics: *f*, *mp*.

**Measures 5-7:** Chords: G, Bm, Em, C. Lyrics: ku tem-pat ber-se-ja-rah ber-bi-lang bang-sa dan ju-ga bu-da. Dynamics: *mp*.

**Measures 8-11:** Chords: D, G, D, G, Am. Lyrics: ya oh Ma-lay-sia ne-ga-ra-ku oh pel-ba-gai wa-ri-san bu-da. Dynamics: *mp*.

12 D Am G

Suara 1  
ya rak-yat sen-ti - a - sa ber- sa - tu pa-du

Suara 2  
Oo Oo ber-sa-tu pa-du Ma-lay-si - a - ku

Suara 3  
Oo rak-yat se-ti - a Ma-lay-si - a - ku

15 D Am D G

Suara 1  
se - la - ma - nya ber-ke - ka - lan Ma-lay-si - a ne - ga - ra - ku sa - yang

Suara 2  
se - la - ma - nya ber-ke - ka - lan Ma-lay-si - a ne - ga - ra - ku sa - yang

Suara 3  
se - la - ma Ha ha Aa Ha Ha

1.1.2 (i, ii)

- Minta seorang murid mengetahui latihan nyanyian.
- Perengarkan keseluruhan lagu *Malysiaiku Sayang* kepada murid.
- Bahagikan murid kepada kumpulan Suara 1, Suara 2 dan Suara 3. Bimbing murid untuk menyanyikan lagu *Malysiaiku Sayang* dengan pic yang betul.

# Jeda



## Teng Teng Jeda

A21: Kerja sepasukan



- C
  - X
  - F
  - G
  - D
  - X
- M2
  - M3
  - P3
  - P4
  - P5
  - P5

### Peralatan

- Dua buah dadu (muka dadu seperti dalam gambar rajah).
- Gambar rajah keyboard dua oktaf.

### Cara bermain

- Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
- Main secara berpasangan. Kedua-dua orang pemain melontar dadu dengan serentak. Kemudian, pemain menekan mata keyboard serentak mengikut arahan pada dadu.

### Pemarkahan

- Murid-murid lain menentukan betul atau salah.
- Pasangan yang menekan mata keyboard yang betul mendapat satu markah.



Namakan jeda di bawah.



(a)

i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

(b)

i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

(c)

i. \_\_\_\_\_ ii. \_\_\_\_\_ iii. \_\_\_\_\_ iv. \_\_\_\_\_ v. \_\_\_\_\_

3.1.4 (i, ii, iii, iv)

- Terapkan nilai mematuhi peraturan dalam permainan.
- Minta murid menjawab dalam buku manuskrip.

## Melodi Bertangga dan Melompat

Pergerakan melodi secara menaik atau menurun terbahagi kepada dua, iaitu pergerakan bertangga dan melompat.



Langkah mengubah jarak antara baris (sistem) adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan satu bar.
2. Gerakkan bar tersebut ke atas atau ke bawah.

Langkah menukar nada lagu adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan bar.
2. Klik *Notations* → *Key Signature* dan pilih nada yang dipaparkan.

(a) Melodi menaik secara bertangga



(b) Melodi menaik secara melompat



(c) Melodi menurun secara bertangga



(d) Melodi menurun secara melompat



Teliti skor di bawah, buat analisis tentang pergerakan melodi secara menaik dan menurun.



9 Santa Lucia

13 dst.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



### Cipta Melodi Lapan Bar

Cipta melodi sepanjang lapan bar menggunakan meter  $\frac{3}{4}$  dalam nada G major.

5.1.1 (i)

- Minta murid mempersembahkan karya mereka di dalam kelas untuk perbincangan.

## Elemen Irama

Irama meliputi not, tanda rehat, meter dan bar. Elemen melodi pula membincangkan pic, tanda kromat, nada dan skel.

(a) ♩ = 98

The musical score is in G major (one sharp) and 4/4 time. It consists of two systems of music. The first system has three measures. The second system has three measures. The tempo is marked as ♩ = 98. Various musical elements are labeled with letters (a) through (h) and symbols like an asterisk and a circled '4'.

- (a) Tempo marking: ♩ = 98
- (b) A circled eighth note in the first measure of the first system.
- (c) A circled quarter note in the second measure of the first system.
- (\*) An asterisk above the first measure of the second system, indicating a rest.
- (d) A circled quarter note in the first measure of the second system.
- (e) A circled quarter note in the second measure of the second system.
- (f) A circled quarter note in the third measure of the second system.
- (g) A circled quarter note in the fourth measure of the second system.
- (h) A circled eighth note in the first measure of the third system.
- A circled '4' is placed above the first measure of the second system, indicating the time signature.



Berdasarkan skor di atas, jawab soalan yang berikut.

1. Jelaskan simbol (a).
2. Apakah nada lagu tersebut?
3. Apakah meter lagu tersebut? Jelaskan maksudnya.
4. Nyatakan pic not dalam bulatan (b) dan (c).
5. Nyatakan nama teknikal bagi not bertanda (d), (e), (f) dan (g).
6. Jelaskan bagaimana kedua-dua not (h) ini harus dibunyikan.
7. Apakah tanda rehat yang sepatutnya pada tempat bertanda (\*)?



## Informasi Lagu

Informasi mengenai suatu lagu termasuklah judul, komposer dan penulis lirik boleh dimasukkan dalam satu “borang maklumat”, iaitu paparan seperti yang berikut:



### Membuka Borang Maklumat

Langkah membuka borang maklumat adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *File* → *Info*.
2. Taip di dalam ruangan yang disediakan.

INFO	Title:	Part name:
	<input type="text"/>	<input type="text" value="Full Score"/>
	Subtitle:	Dedication:
<input type="text"/>	<input type="text"/>	
Composer:	Lyricist:	
<input type="text"/>	<input type="text"/>	

Setelah maklumat ditaip dalam ruang berkenaan, maklumat tersebut boleh ditulis dengan arahan khusus. Untuk menulis judul lagu, arahnya adalah seperti yang berikut:

1. Pilih *Text* → *Styles* → *Title*.
2. Klik kanan pada bahagian atas tengah skor (kotak judul) dan taip arahan `\$Title\`.

Arahan lain, misalnya komposer ialah `\$Composer\`.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



### Cipta Melodi Berdasarkan Pantun

Cipta melodi menggunakan meter  $\frac{4}{4}$  sepanjang lapan bar dengan menggunakan pantun dua kerat. Gunakan teknik-teknik ciptaan atau improvisasi yang telah dipelajari. Tulis judul, komposer dan lirik pada ciptaan.

Mencipta

5.1.1 (i)

- Bimbing murid membuat tugas, terutama jika melibatkan anakrusis.
- Minta murid mempersembahkan karya mereka di dalam kelas untuk perbincangan.



### Orkestra Mini

Mainkan skor ensemble berikut dengan pic dan irama yang betul serta mengikut tempo.

A21: Kerja sepasukan

Mengaplikasi

105

### Soal Jawab

Gubahan: Mastor Jarkaseh

$\text{♩} = 105$

Vokal

La-gu I-nang la-gu I-nang la-gu I - nang se-ka-rang. I-nang  
Ba-ru I-nang Ba-ru I-nang ba - ru se-ka-rang. Ba-ru

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

$\text{♩} = 105$



6

Vokal

a - pa l-nang a - pa l-nang a - pa se-ka- rang, l-nang  
a - pa Ba-ru a - pa Ba-ru a - pa se-ka- rang

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

2.1.1 (i, ii, iii)

- Lakukan aktiviti pemanasan dan penalaan alat muzik terlebih dahulu.

## Analisis Melodi dan Harmoni



Tulis soalan seperti yang di bawah pada kertas kecil. Lipat dan masukkan kertas-kertas tersebut ke dalam kotak mengikut kategori. Lakukan aktiviti “Permainan Kotak Beracun” bagi menjawab soalan.

Jawab soalan berikut secara spontan dalam masa 10 saat selepas soalan dibacakan.

### Kategori A: Nama Teknikal

1. Namakan pic median, nada F major.
2. Namakan pic supertonik, nada C major.
3. Namakan pic dominan, nada G major.
4. Namakan pic subdominan, nada D major.
5. Namakan pic subtonik, nada G major.
6. Namakan pic submedian, nada G major.
7. Namakan pic median, nada D major.
8. Namakan pic tonik, nada F major.

### Kategori B: Triad Tonik

Sebutkan pic bagi triad tonik yang dinyatakan.  
Contoh: Pic ketiga triad tonik G major ialah B.

1. Pic asas, triad tonik C major.
2. Pic ketiga, triad tonik F major.
3. Pic kelima, triad tonik D major.
4. Pic asas, triad tonik D major.
5. Pic ketiga, triad tonik C major.
6. Pic kelima, triad tonik G major.
7. Pic asas, triad tonik F major.
8. Pic ketiga, triad tonik D major.



Kategori C: Jeda

Sebutkan jeda yang berikut.

Contoh: Pic F - A, major ketiga.

- |                             |                              |
|-----------------------------|------------------------------|
| 1. Jeda pic D - G.          | 6. Jeda pic G - D.           |
| 2. Jeda pic F - B $\flat$ . | 7. Jeda pic F - G.           |
| 3. Jeda pic C - E.          | 8. Jeda pic C - D.           |
| 4. Jeda pic F - G.          | 9. Jeda pic D - F $\sharp$ . |
| 5. Jeda pic G - A.          | 10. Jeda pic C - G.          |



9

Teliti skor di atas. Kemudian, jawab soalan yang berikut.

1. Tulis semula triad tonik yang terbina daripada kombinasi not-not bar yang berikut.

Bar 1 \_\_\_\_\_ Bar 7 \_\_\_\_\_

2. Nyatakan jeda not-not bertanda.

(a) \_\_\_\_\_ (c) \_\_\_\_\_

(b) \_\_\_\_\_ (d) \_\_\_\_\_



3.1.3 (i)  
3.1.4

• Bimbing murid menjalankan aktiviti.

## Muzik Masyarakat Melayu

### Muzik Ghazal

Menilai



Ghazal ialah sejenis seni muzik tradisional yang popular di negeri Johor. Pada awalnya, ghazal disebut sebagai gamat yang bermaksud riuh-rendah. Muzik ini berasal dari Tanah Arab. Ghazal ialah persembahan berbentuk puisi yang mengandungi rangkap berkongsi ritma dan baris ulang.



EMK: Patriotisme

A21: Bersifat ingin tahu

4.1.1 (i-a, b, c, d, e)

- Pertontonkan video muzik ghazal kepada murid.
- Bahagikan murid kepada tiga kumpulan: - Kumpulan 1: Genre dan latar belakang.  
Kumpulan 2: Fungsi dan cara persembahan.  
Kumpulan 3: Alat muzik.
- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat.
- Galakkan murid membentangkan hasil dapatan dalam bentuk forum.

## Mencipta Melodi Gembira

Kadangkala sesuatu peristiwa yang menggembirakan atau menyeronokkan boleh mencetuskan idea untuk mencipta lagu. Contohnya, kejayaan pasukan sekolah memenangi suatu pertandingan, kejayaan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan dan mendapat hadiah yang diidam-idamkan.




Gambar kenangan sewaktu menjuarai Pertandingan Muzik Gamelan Melayu.



### Cipta Melodi Gembira



Cipta sebuah lagu sekurang-kurangnya lapan bar untuk menggambarkan perasaan gembira apabila memenangi suatu pertandingan di peringkat kebangsaan.



## Menentukan Tempo Lagu



Tempo banyak mempengaruhi perasaan sesebuah karya muzik. Tempo yang perlahan biasanya menggambarkan kesedihan. Tempo yang cepat boleh menggambarkan suasana gembira, meriah dan seronok.

Tempo boleh dinyatakan dengan pernyataan istilah Itali (*Allegro, Moderato, Andante*). Tempo juga boleh dinyatakan dengan Maelzel's *Metronome Mark* (♩ = 120)

Langkah menentukan tempo adalah seperti yang berikut:

1. Serlahkan bar pertama.
2. Pilih menu *Text* → *Style*. Gerakkan skrol sehingga kelihatan pilihan yang berikut:

Tempo			
		<b>To Coda</b>	<b>Allegro</b>
Metric ...ulation	Metron...e mark	Repeat ...o Coda)	Tempo

3. Pilih . Di atas bar pertama akan kelihatan kursor untuk menaip.
4. Klik kanan kursor, pilih .
5. Taip kelajuan, misalnya "= 140" di kanan not.

Angka menunjukkan bilangan detik dalam masa seminit. Kelajuan boleh ditukar dengan menukarkan nilai angka. Semakin tinggi nombor, semakin cepat tempo.

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi




## Penilaian

1. Berdasarkan analisis not dan garis bar di dalam melodi yang berikut, tulis meter yang sesuai dengan format yang betul.



2. Melodi berikut ditulis tanpa tanda nada. Analisis tanda kromat pada melodi dan kenal pasti nada yang digunakan.





3. Berdasarkan analisis pic bagi not-not skor yang berikut, nyatakan jeda pasangan not yang ditandakan.



4. Analisis pernyataan yang berikut dan jawab soalan yang diberi.



Majlis Perbandaran Batu Pahat telah membawa kumpulan ghazal membuat persembahan di pasar-pasar tani. Hal ini memberikan peluang kepada kumpulan ghazal tempatan untuk membuat persembahan.

- Nyatakan empat alat muzik bermelodi yang terdapat pada gambar di atas.
- Namakan alat dalam keluarga membranofon yang terdapat pada gambar di atas.
- Selain memberikan peluang kepada kumpulan ensemble tradisional membuat persembahan, bincangkan dua faedah lain yang dapat membantu dalam meningkatkan kemajuan muzik tradisional hasil daripada langkah seperti yang diperkenalkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat.

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.



# UNIT 7

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Menyanyikan lagu dengan pic dan tempo yang betul.
- ▶ Mencipta lagu berdasarkan suasana sayu dengan tempo perlahan dan berdasarkan rangsangan serta disimpan dalam format MIDI.
- ▶ Bermain lagu dalam orkestra mini.
- ▶ Menghargai muzik serta mengenal pasti identiti pelbagai muzik masyarakat Melayu dan masyarakat Sarawak dari segi genre, latar belakang, alat muzik yang digunakan dan cara muzik dipersembahkan. Membuat ulasan melalui persembahan dan video yang dipertontonkan.

- 1.1.2 - Bernyanyi lagu tiga lapisan suara (i - pic yang betul. ii - tempo yang betul. iii - teknik kawalan pernafasan yang betul. iv - mengaplikasikan dinamik yang sesuai).
- 2.1.1 - Memainkan alat muzik (i - pic yang betul. iv - teknik yang betul. vi - mengaplikasikan dinamik yang sesuai).
- 4.1.1 - Membuat ulasan muzik Malaysia yang didengar atau ditonton (i - muzik masyarakat Melayu. ii - muzik masyarakat Sarawak).
- 5.1.1 - Menghasilkan muzik menggunakan perisian muzik (i - mencipta melodi).

- ▶ Sape juga disebut sebagai sapek atau sampek merupakan alat muzik kordofon yang terkenal di negeri Sarawak. Dikatakan bahawa muzik sape telah lama wujud sejak ribuan tahun dahulu.



## Nyanyian Tiga Lapisan Suara



- Lakukan latihan nyanyian diketuai oleh seorang murid.
- Nyanyikan lagu *Pesan* mengikut skor dengan mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik.

### Pesan

Audio 106: Vokal (Suara 1, Suara 2 dan Suara 3)  
 Audio 107: Vokal (Suara 1)  
 Audio 108: Instrumental (Suara 1)  
 Audio 109: Vokal (Suara 2)  
 Audio 110: Instrumental (Suara 2)  
 Audio 111: Vokal (Suara 3)  
 Audio 112: Instrumental (Suara 3)  
 Audio 113: Minus One

EMK: Nilai Murni

Menganalisis

## Pesan

Ciptaan: Nurjuliana binti Redzuan

106 → 113

*♩* = 106

**Suara 1**  
 Ba - ik - nya bu - di - mu

**Suara 2**  
 La la

**Suara 3**  
 La la

3 **Suara 1**  
 Ter - pu - ji di - bang - ga Te - tap me - ren - dah Ti - dak men - do - ngak

**Suara 2**  
 Ter - pu - ji di - bang - ga La la Ti - dak men - do - ngak

**Suara 3**  
 La la La la La la

6 **Suara 1**  
 Can - tik - nya wa - jah - mu Ti - a - da den - dam Te - nang ka - ta - mu Ti - dak me - ni - pu

**Suara 2**  
 Can - tik - nya wa - jah - mu La la Te - nang ka - ta - mu Ti - dak me - ni - pu

**Suara 3**  
 La la La la La la La la



10 Bm Am Bm G Bm G 1. Em G

Suara 1  
La La La La I - tu pe-san un-tuk ra - kan - ku

Suara 2  
La la la la La La la La ra - kan - ku  
*mp*

Suara 3  
La la La la La La La  
*p*

14 2. Em G D G G

Suara 1  
ra - kan ra - kan - ku Ma - ri - lah te - man a - yuh - lah  
*mf*

Suara 2  
ra - kan ra - kan - ku Ma - ri - lah te - man a - yuh - lah  
*D*

Suara 3  
La La Ma - ri - lah te - man a - yuh - lah  
*G*

17 G C D G

Suara 1  
ber - sa - ma sa - ma ber - bu - di pe - ker - ti

Suara 2  
sa - - - ma La La

Suara 3  
La La La La

1.1.2 (i, ii, iii, iv)

- Perengarkan keseluruhan lagu *Pesan* kepada murid.
- Bahagikan murid kepada tiga kumpulan untuk menyanyikan Suara 1, Suara 2 dan Suara 3. Bimbing murid menyanyikan lagu ini dengan pic yang betul.

## Jatung Utang

Jatung utang merupakan alat muzik tradisional kaum Kenyah di Sarawak yang terdiri daripada batang kayu yang disusun dan diikat dengan tali rotan. Setiap batang kayu tersebut menghasilkan nada yang berbeza apabila diketuk. Jatung utang dibuat daripada batang kayu ringan biasanya dari jenis kayu lempung berukuran 20 hingga 50 cm panjang dan 5 hingga 10 cm lebar. Alat muzik ini dimainkan dengan cara memukul dengan dua alat pemukul yang disebut sebagai "tit". Jatung utang dimainkan oleh dua orang pemain, iaitu seorang pemain memainkan melodi manakala seorang lagi berperanan sebagai penyeimbang melodi. Alat muzik ini biasanya dimainkan bersama alat muzik tradisional sambe' untuk mengiringi lagu dan tarian kaum Kenyah serta perayaan kebudayaan.



Layari Internet untuk mendapatkan maklumat berkenaan ensembel muzik bagi suku kaum lain yang terdapat di Sarawak. Maklumat yang perlu ditekankan ialah genre, latar belakang, alat muzik yang digunakan dan cara muzik tersebut dipersembahkan. Buat pembentangan berkumpulan hasil yang diperolehi.

EMK: Patriotisme

A21: Bermaklumat

Menganalisis

4.1.1 (ii-a, b, c, d, e)

- Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan kecil. Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti yang dicadangkan.

## Menukarkan Alat Muzik



### Menukarkan Bunyi Alat Muzik

EMK: Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Pilihan *Change* dalam menu *file* digunakan untuk menukarkan bunyi alat muzik. Misalnya, rangkap pertama lagu menggunakan bunyi trompet, rangkap kedua pula ialah bunyi alat muzik gitar.

Caranya:

1. Serlahkan bar atau frasa berkenaan.
2. Pilih *Home* → *Change Instrument*.
3. Pilih alat muzik yang disediakan.



Perasaan seseorang mempengaruhi sesebuah ciptaan. Seseorang yang sedang bergembira akan menghasilkan melodi yang menggambarkan kegembiraan. Sebaliknya seseorang yang sedang dalam kesedihan lebih cenderung mencipta melodi yang sedih.



### Cipta Melodi Sedih

Berdasarkan gambar di sebelah, hasilkan melodi tidak kurang daripada lapan bar dalam tempo ♩ = 60. Cerita dan persembahkan karya ciptaan di dalam kelas.

## Dondang Sayang



Dondang sayang merupakan genre tradisional Melayu popular di negeri Melaka. Muzik ini dinyanyikan dengan cara berbalas pantun secara spontan oleh penyanyinya. Dondang sayang bermaksud nyanyian lagu-lagu asli.

Alat muzik yang digunakan untuk persembahan dondang sayang ialah violin, gong dan rebana. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, dondang sayang dipersembahkan bagi menghiburkan pedagang asing yang singgah di Melaka dan kini, muzik ini dipersembahkan untuk memeriahkan sesuatu majlis keramaian.

EMK: Patriotisme

A21: Bermaklumat

Menganalisis

4.1.1 (i-a, b, c, d, e)

- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai alat muzik, fungsi, cara persembahan dan latar belakang dalam dondang sayang.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan masing-masing.



## Sape

Sape merupakan alat muzik etnik di negeri Sarawak. Alat muzik ini diperbuat daripada kayu lembut dan banyak digunakan oleh kaum Kenyah, Kayan serta Kelabit. Pada mulanya, sape dimainkan untuk mengiringi upacara ritual di rumah panjang. Kini, sape menjadi hiburan sewaktu majlis keramaian dan mengiringi tarian etnik di negeri Sarawak.

EMK: Patriotisme

A21: Bermaklumat

Menganalisis



### 4.1.1 (ii-a, b, c, d, e)

- Minta murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai alat muzik, fungsi, cara persembahan dan latar belakang sape.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan masing-masing.

# Orkestra Mini



Mainkan skor ensembel berikut dengan pic, penjarian serta embusur yang betul dan dinamik yang sesuai.



115

## Scarborough Fair

Gubahan: Mastor Jarkaseh

$\text{♩} = 100$

The musical score is arranged in a grand staff format with the following parts from top to bottom:

- Vokal:** Treble clef, 3/4 time signature. Lyrics: "Are you go-ing to". Dynamic: *mf*.
- Flut:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *f*.
- Klarinet B $\flat$ :** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *f*.
- Saksofon Alto:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Saksofon Tenor:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Trompet B $\flat$ :** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Trombon:** Bass clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Violin:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Gambus:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Gitar:** Treble clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Gitar Bes:** Bass clef, 3/4 time signature. Dynamic: *mf*.
- Piano:** Grand staff (treble and bass clefs), 3/4 time signature. Dynamic: *f*.



7

Vokal  
Scar - bo-rough Fair Pars - ley sage Rose - ma-ry andrhyme Re-

Flut  
*mf*

Klarinet  
B $\flat$

Saksofon  
Alto

Saksofon  
Tenor

Trompet  
B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar  
p.

Gitar  
Bes

Piano



13

Vokal

mem - ber me to one who lives there Once she

Flut

Klarinet  
B $\flat$

Saksofon  
Alto

Saksofon  
Tenor

Trompet  
B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar  
Bes

Piano



18

Vokal

1. was a true love of mine. 2. true love of mine.

Flut

Klarinet B $\flat$

Saksofon Alto

Saksofon Tenor

Trompet B $\flat$

Trombon

Violin

Gambus

Gitar

Gitar Bes

Piano

2.1.1 (i, ii, iii)

- Jalankan aktiviti pemanasan dan penalaan alat muzik terlebih dahulu.

## Format MIDI



### Menyimpan Fail

Fail muzik yang dicipta boleh disimpan dalam format tertentu. Fail ini boleh dibuka dan dimainkan dengan perisian muzik. Bagi membolehkan fail ini dibaca oleh perisian muzik, fail ini perlu disimpan dalam format MIDI atau *Musical Instrument Digital Interface*. Kebanyakan alat muzik berkomputer seperti keyboard elektrik juga mampu membaca dan memainkan fail MIDI ini.

Fail MIDI bersaiz kecil berbanding dengan format lain. Hal ini membolehkan fail MIDI dimuat naik dalam Internet.

Langkah menyimpan fail dalam format MIDI adalah seperti yang berikut:

1. Pilih menu *File* dan *Export*.
2. Klik MIDI dan klik *Export*.

### Sounds

This MIDI will be played back using:

- The current playback device(s)
- A different playback device:

General MIDI

### MIDI File Type

- Type 0
- Type 1

Tick resolution: 960 PPQN

- Export pick-up bars as full bars padded with rests

Beberapa pilihan format dalam komputer.

#### Export

- Audio
- Video
- PDF
- Graphics
- Avid Scorch
- Scorch Web Page
- MusicXML
- MIDI**
- Previous Version
- Manuscript Paper
- Export

## Makanan Kegemaran Saya



### Cipta Melodi Berdasarkan Gambar

Cipta melodi lagu yang menggambarkan makanan kegemaran. Dengan menggunakan komputer, simpan karya dalam format MIDI. Mainkan ciptaan tersebut pada keyboard yang mempunyai kemudahan MIDI atau perisian audio komputer.



5.1.1 (i)

- Minta murid memperdengarkan dan menceritakan hasil karya masing-masing.

## Kemahiran Membuat Ulasan

Kemahiran membuat ulasan dapat memberikan peluang untuk seseorang menghayati dan menghargai persembahan muzik di Malaysia. Menerusi ulasan persembahan, seseorang dapat menghubungkan pengetahuan muzik yang diketahui oleh mereka dengan budaya dan masyarakat Malaysia kini.

UNDI 10  
UNDI 20  
UNDI 30  
dan hantar ke 45666



Tempo lagu ini  
Moderato ke Allegro??

Suara penyanyi  
ini sumbang.  
Pic tak tepat.

Ada  
pemain violin...

Kelemahan Persembahan?  
Kekuatan Persembahan?

Ada  
akordion juga!

Persembahan ini  
ialah dondang sayang dan  
popular di negeri Melaka.

### 4.1.1 (i, ii)

- Pertontonkan dan perdengarkan muzik masyarakat Melayu dan muzik masyarakat Sarawak kepada murid.
- Bimbing murid membuat ulasan persembahan.
- Bimbing murid membuat laporan ringkas mengikut format laporan.



## Penilaian

1. Jawab soalan berdasarkan skor melodi yang berikut.

- Tulis meter yang bersesuaian dengan corak irama keratan lagu.
- Tulis tanda rehat yang sesuai di tempat bertanda \*.
- Namakan jeda pasangan not a dan b.
- Tulis semula bar tujuh dengan pengumpulan not yang betul.
- Berdasarkan nada C major, nyatakan nama teknikal bagi not p, q, r dan s.

2. Nyatakan nada (major) dan nama teknikal bagi not.

- (a) G major      (b) \_\_\_\_\_      (c) \_\_\_\_\_      (d) \_\_\_\_\_  
 Dominan

- (e) \_\_\_\_\_      (f) \_\_\_\_\_      (g) \_\_\_\_\_      (h) \_\_\_\_\_

- (i) \_\_\_\_\_      (j) \_\_\_\_\_      (k) \_\_\_\_\_      (l) \_\_\_\_\_



3. Yang berikut ialah alat muzik yang popular di Sarawak.



(a) Nyatakan nama dan keluarga alat muzik ini berdasarkan saranan *Hornbostel-Sachs*.

(b) Muzik dan tarian ini sering dimainkan di pusat-pusat kebudayaan bagi tontonan pelancong. Fungsi asal muzik ini dimainkan adalah untuk upacara tertentu. Bincangkan kenyataan tersebut.

4. Sape merupakan satu daripada ikon budaya Sarawak yang sudah dikenali di seluruh dunia. Sape dimainkan sama ada secara solo atau secara ensembel dengan alat muzik etnik yang lain. Dalam persembahan sape, terdapat unsur budaya lain turut dipersembahkan misalnya tarian, kostum, lukisan dan seni ukir. Bincangkan unsur seni budaya Sarawak dalam persembahan sape.

5. Lirik dalam nyanyian dondang sayang ialah pantun yang dicipta khas secara spontan. Lirik disesuaikan bagi membeli atau menjual pantun. Pantun ini disusun mengikut gaya nyanyian dalam dondang sayang. Susun semula bait-bait pantun yang berikut supaya dapat disesuaikan dalam nyanyian dondang sayang.

Dari mana hendak ke mana,  
Tinggi rumput dari padi;  
Hari mana tahun yang mana,  
Dapat kita berjumpa lagi.

---

• Banyakkan halaman ini untuk diedarkan kepada murid.

---

# UNIT 8

## Pada akhir unit ini, murid dapat:

- ▶ Mengenal dan bermain piano, saksofon, gitar, violin, flut, klarinet, trompet dan gambus serta bernyanyi dengan teknik yang betul.

- 6.1.1 - Bernyanyi lagu pelbagai budaya.
- 6.1.2 - Bernyanyi lagu tradisional.
- 6.1.3 - Menyanyi lagu secara semerta.
- 6.1.4 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.2.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.2.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.2.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.2.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.2.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.3.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.3.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun dengan menggunakan tangan kiri dan tangan kanan secara berasingan dan hafalan.
- 6.3.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan menggunakan tangan kiri dan tangan kanan secara hafalan.
- 6.3.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.3.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.4.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.4.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun secara hafalan.
- 6.4.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun.
- 6.4.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.4.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.5.1 - Memainkan muzik.
- 6.5.2 - Memainkan skel menggunakan teknik slur dua kuaver dalam satu gesekan dengan cara *open string* dan *separate bows* menaik dan menurun secara hafalan.
- 6.5.3 - Memainkan arpeggio dengan cara *open string* dan *separate bows* secara hafalan
- 6.5.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.5.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.6.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.6.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.6.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.6.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.6.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.7.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.7.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.7.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.7.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.7.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.8.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.8.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.8.3 - Memainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.
- 6.8.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.8.5 - Membuat persembahan secara solo.
- 6.9.1 - Memainkan alat muzik.
- 6.9.2 - Memainkan skel secara menaik dan menurun secara hafalan.
- 6.9.3 - Memainkan arpeggio secara hafalan.
- 6.9.4 - Memainkan melodi secara semerta.
- 6.9.5 - Membuat persembahan secara solo.







## Vokal


Muzik vokal muncul di benua Eropah pada zaman Renaissance. Pada zaman ini, muzik vokal lebih penting berbanding dengan muzik instrumental. Suara manusia boleh dikelaskan mengikut kumpulan dan julat tertentu, iaitu soprano, *mezzo soprano*, alto, tenor, bariton dan bes.

### Bahagian Alat Vokal



### Proses Pembentukan Suara Manusia





Audio 116: Latihan A (ay)      Audio 121: Latihan Ma  
 Audio 117: Latihan E (æ)      Audio 122: Latihan Be  
 Audio 118: Latihan I (ai)      Audio 123: Latihan Yi  
 Audio 119: Latihan O (oh)      Audio 124: Latihan Lo  
 Audio 120: Latihan U (oo)      Audio 125: Latihan Bu

### Latihan Sebelum Bernyanyi

1. Lakukan senaman ringan untuk regangan otot.
2. Lakukan latihan pernafasan.
3. Lakukan latihan nyanyian seperti menyanyikan skel atau arpeggio. Mulakan latihan dengan pic yang rendah dan beransur tinggi mengikut julat suara.

### Latihan Pernafasan dan Kawalan Pernafasan

Terdapat pelbagai cara untuk seseorang penyanyi melatih pernafasan. Antaranya ialah latihan meniup lilin, meniup belon, menggigit pensel, bernyanyi dalam air dan menyanyi lagu vokal tinggi. Latihan ini dilakukan bagi memperkuatkan hembusan nafas dan melatih paru-paru.

1. Latihan pernafasan dengan meniup lilin.
  - (a) Lakukan pernafasan kostal yang telah dipelajari sebanyak tiga kali.
  - (b) Pada hembusan ketiga, hembuskan nafas melalui mulut dengan meniup lilin yang telah dinyalakan. Anggaran jarak mulut dengan lilin kira-kira 15 cm.
  - (c) Ulang latihan 1 dan 2 beberapa kali sebelum memulakan nyanyian.
2. Latihan kawalan pernafasan dengan menggunakan penyedut minuman.
  - (a) Tarik nafas dan sedut air di dalam gelas dengan menggunakan penyedut minuman.
  - (b) Hembuskan nafas menggunakan mulut melalui penyedut minuman sehingga menghasilkan buih air.
  - (c) Ulang latihan 1 dan 2 beberapa kali.

### Latihan Nyanyian

1. Lakukan latihan pembentukan bibir dengan menyebut vokal berdasarkan notasi yang diberikan.
2. Lakukan latihan pembentukan bibir dengan menyebut gabungan huruf vokal dan konsonan berdasarkan notasi yang diberikan.

116 → 120

A [ay] \_\_\_\_\_  
 E [æ] \_\_\_\_\_  
 I [ai] \_\_\_\_\_  
 O [oh] \_\_\_\_\_  
 U [oo] \_\_\_\_\_

121 → 125

Ma \_\_\_\_\_      Ma \_\_\_\_\_  
 Be \_\_\_\_\_      Be \_\_\_\_\_  
 Yi \_\_\_\_\_      Yi \_\_\_\_\_  
 Lo \_\_\_\_\_      Lo \_\_\_\_\_  
 Bu \_\_\_\_\_      Bu \_\_\_\_\_

### Bacaan Semerta

Nyanyikan skor di bawah secara bacaan semerta (sight-singing).

(a)

(b)

(c)

### Persembahan Nyanyian Solo

126

### Auld Lang Syne

Lagu rakyat Scotland

$\text{♩} = 68$

2

7

13



## Tanjong Puteri

127

Lagu Rakyat Johor

$\text{♩} = 67$

3

Gm D<sup>7</sup> Cm

Ta-juk Jo - hor Tan-jong Pu-te - ri se - lat te-be-rau a - ir - nya bi-  
kit Tan-jong Pu-te - ri Ta-man hi-bu - ran in-dah ber-se-

6

D<sup>7</sup> Cm D<sup>7</sup> F Eb

ru di Pan-tai Li - do te - pi - an man - di se-pan-jang ma - sa di ha-ri ming-  
ri pe-man - da - nyan me-na-wan ha - ti Ja-lan tam

10

D<sup>7</sup> Cm<sup>7</sup> D<sup>7</sup> Gm Cm F

gu A-tas bu bak hu-bu-ngan ne - gri Tan-jung Ski-jang nun di ku-a-

14

B<sup>b</sup> Gm Am<sup>7</sup>(b<sup>5</sup>) D<sup>7</sup> Gm B<sup>b</sup>/F

la tem-pat nla-yan me-nga-il gla - ma Is-ta-na hing-gap di Kua-la Da

18

E<sup>b</sup> Cm Am<sup>7</sup>(b<sup>5</sup>) D<sup>7</sup> Gm

nga Pan-tai ber-ke - lah Kluar-ga Di-Ra - ja Da-ri Teb-rau o-rang be-ra-

22

D<sup>7</sup> Cm E<sup>b</sup>

kit sing-gah Se - tu - lang mem-be - li ko - pi Pu - sa - ra Si Bong

25

Cm E<sup>b</sup>/B<sup>b</sup> Am<sup>7</sup>(b<sup>5</sup>) D<sup>7</sup> Gm

kok di le-reng bu - kit di te - pi pan - tai Tan-jong Pu-te - ri

6.1.1  
6.1.2  
6.1.3  
6.1.4

- Berikan skor yang bersesuaian kepada murid bagi memenuhi S.P 6.1.1 dan S.P 6.1.2.
- Rancang dan sediakan lagu-lagu bagi memenuhi bahagian nyanyian pelbagai budaya, lagu tradisional dan bacaan semerta.


## Saksofon

Saksofon merupakan alat muzik yang tergolong dalam kumpulan aerofon, keluarga alat muzik tiup kayu dan biasanya diperbuat daripada logam tembaga. Saksofon dicipta oleh seorang pemain klarinet Belgium, Adolphe Sax. Terdapat pelbagai jenis saksofon, antaranya saksofon alto dan saksofon tenor.

### Saksofon Alto

Saksofon alto mempunyai saiz yang lebih kecil daripada saksofon tenor tetapi lebih besar daripada saksofon soprano. Saksofon alto merupakan saksofon yang paling biasa digunakan bagi pemain saksofon baharu.

### Bahagian Saksofon Alto






## Saksofon Tenor

Saksofon tenor lebih besar saiznya daripada saksofon alto dan menggunakan nada B flet. Pelekap mulutnya lebih besar dan lubang picnya juga lebih panjang. Saksofon jenis inilah yang biasanya digunakan dalam muzik jaz.

### Bahagian Saksofon Tenor





## Postur Bermain Saksofon



### Postur

1. Luruskan badan.
2. Pastikan bahu dalam keadaan yang selesa.
3. Letakkan kaki secara rata di atas lantai.



### Teknik Pernafasan

1. Letak telapak tangan berdekatan dengan mulut.
2. Sedut udara secara dalam melalui mulut dalam keadaan bahu yang selesa. Pastikan bahagian perut mengembang.
3. Hembuskan nafas ke telapak tangan secara perlahan-lahan dengan menyebut "too".

## Embusur

1. Lembapkan bibir dan gulung bibir bawah ke atas gigi bawah.
2. Pastikan pelekap mulut berada di tengah-tengah bibir dan letakkan di dalam mulut kira-kira  $\frac{2}{3}$  inci.
3. Letakkan gigi atas secara langsung ke atas pelekap mulut.
4. Tutup mulut dengan rapat di sekeliling pelekap mulut.



## Penjarian bagi Saksofon Alto

○ Buka

● Tutup

C# to D	D# to E	E $\flat$ to F	F to G $\flat$	F# to G#

G# to A	A $\flat$ to B $\flat$	A to B $\flat$	A# to B	B $\flat$ to C

B to C	C to D	C# to D	C# to D#	D# to E

B $\flat$ to F	F to G $\flat$	F# to G#	A $\flat$ to B $\flat$	A# to B

B $\flat$ to C	B to C	C to D $\flat$	C to D	C# to D#	D to E	E $\flat$ to F	E to F



# Penjarian bagi Saksofon Tenor

A#	Bb	B	Cb	B#	C	C#	Db	D	D#	Eb	E	Fb

E#	F	F#	Gb	G	G#	Ab	A	A#	Bb

B	Cb	B#	C	C#	Db	D	D#	Eb	E	Fb	E#	F

F#	Gb	G	G#	Ab	A	A#	Bb	B	b	Cb

B#	C	C#	Db	D	D#	Eb	E	Fb	E#	F



Audio 128: Skel F Major

Audio 129: Skel G Major

Audio 130: Skel D Minor Melodik

Audio 131: Skel D Minor Harmonik

Audio 132: Arpeggio F Major

Audio 133: Arpeggio G Major

Audio 134: Arpeggio D Minor

## Skel

Mainkan skel secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Skel F major

128



(b) Skel G major

129



(c) Skel D minor melodik

130



(d) Skel D minor harmonik

131



## Arpeggio

Mainkan arpeggio secara menaik dan menurun dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan dalam kord primer.

(a) Arpeggio F major

132



(b) Arpeggio G major

133



(c) Arpeggio D minor

134





### Bacaan Semerta

Mainkan melodi secara bacaan semerta (sight-reading).

(a)

(b)

(c)

### Persembahan Saksofon Solo

#### Waltz in A Minor

135

Ciptaan: Frederic Chopin

$\text{♩} = 103$

3

5

11

#### Jingli Nona

136

Lagu Rakyat

$\text{♩} = 171$

8

7

14

Fine

20

D.S. al Fine



## A Ram Sam Sam

137

Lagu Kanak-kanak Morocco

$\text{♩} = 100$

## Chan Mali Chan

138

Lagu Kanak-kanak

$\text{♩} = 105$

6.2.1  
6.2.2  
6.2.3  
6.2.4  
6.2.5



- Tunjukkan cara memegang saksofon dengan betul.
- Berikan penerangan dengan lebih mendalam berkenaan dengan penjarian dan embusur bagi saksofon.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.2.5.



## Piano

Piano merupakan alat muzik yang dimainkan menggunakan jari. Piano merupakan antara alat muzik yang tertua, dicipta oleh Bartolomeo Cristofori pada tahun 1720-an. Piano berasal daripada bahasa Itali iaitu *pianoforte*. Pemain piano yang terkenal di dunia ialah Chopin dan Listz, manakala Muzaffar Abdullah, Tengku Irfan dan Claudia Yang merupakan antara pemain piano Malaysia yang terkenal. Piano boleh dimainkan secara solo, duo (berdua), trio (bertiga) ataupun kuartet (berempat).


### Bahagian Piano





## Postur Bermain Piano

Posisi tangan dan jari yang betul ketika bermain piano sangat penting bagi mengelakkan pemain piano berasa letih dan tegang. Posisi yang salah akan menyukarkan pergerakan jari pemain piano.




Ketika bermain piano, kedudukan lutut haruslah berada di bawah keyboard. Postur badan perlulah tegak dengan keadaan bahu yang kendur dan kedudukan siku lebih tinggi sedikit daripada mata keyboard.



## Penjagaan dan Pengendalian Piano

1. Letakkan piano di tempat yang terang dan mempunyai pengudaraan yang baik.
2. Bersihkan keseluruhan bahagian badan piano.
3. Mainkan piano secara rutin.
4. Buat penalaan piano (piano tuning) dalam tempoh masa tertentu. Sekiranya tidak mahir, panggillah juruteknik yang bertauliah untuk membuat penalaan.
5. Pasang alat pemanas piano bagi mengelakkan bahagian dalam piano lembap dan menyebabkan kerosakan.



## Skel

Mainkan skel yang berikut secara menaik dan menurun dengan menggunakan tangan kanan dan tangan kiri secara berasingan dan hafalan. Seterusnya, mainkan skel D major, F major, A minor melodik, A minor harmonik, D minor melodik dan D minor harmonik.

(a) Skel C major

139

(b) Skel G major

140

(c) Skel *Contrary Motion* C major

141



Audio 142: *Broken Chords C Major*  
 Audio 143: *Broken Chords G Major*  
 Audio 144: *Arpeggio C Major*  
 Audio 145: *Arpeggio G Major*

### Broken Chords

Mainkan *broken chords* yang berikut secara menaik dan menurun dengan menggunakan tangan kanan dan tangan kiri secara berasingan dan hafalan. Seterusnya, mainkan *broken chords* D major dan F major.

(a) *Broken chords C major*

142

(b) *Broken chords G major*

143

### Arpeggio

Mainkan arpeggio yang berikut secara menaik dan menurun dengan menggunakan tangan kanan dan tangan kiri secara berasingan dan hafalan. Seterusnya, mainkan arpeggio D minor, F major dan A minor.

(a) *Arpeggio C major*

144

(b) *Arpeggio G major*

145

### Bacaan Semerta

Mainkan melodi secara bacaan semerta dengan betul.

(a) **Moderato**

(b) **Adagio**

### Persembahan Piano Solo

#### Long, Long Ago

146

Ciptaan: Thomas Haynes Bayly

$\text{♩} = 115$

Piano



### Sekapur Sirih Seulas Pinang

147

Gubahan: Nurjuliana binti Redzuan

**Piano**

$\text{♩} = 80$

5

9

13

17

6.3.1  
6.3.2  
6.3.3  
6.3.4  
6.3.5

- Minta murid memainkan piano dengan menggunakan tangan kanan dahulu diikuti dengan tangan kiri. Setelah mahir, mainkan piano dengan kedua-dua belah tangan.
- Bimbing murid memainkan *Broken Chords* dalam meter  $\frac{6}{8}$ .
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.3.5.




## Gitar

Gitar ialah alat muzik bertali yang digunakan semenjak 4000 tahun dahulu. Dalam tamadun Yunani, terdapat alat muzik kithara. Orang Sepanyol mencipta alat muzik quitarra, iaitu sejenis alat muzik menyerupai lut yang dibawa oleh orang-orang Arab. Quitarra kemudian menjadi popular dan berkembang menjadi gitar moden.

### Penjagaan

Kesan peluh dan lembapan boleh menyebabkan karat pada tali gitar. Oleh itu, gitar perlu dibersihkan sebelum disimpan di dalam beg khas.

### Bahagian Gitar



Plektrum gitar.

### Penalaan

Sebelum bermain, penalaan gitar perlu dibuat bagi memastikan ketepatan pic yang dihasilkan. Tali perlu ditegang atau dikendurkan dengan cara memutar kunci penala. Pemain gitar yang mempunyai pendengaran yang baik boleh menggunakan pipa pic atau alat muzik lain misalnya piano sebagai panduan membuat talaan. Kini, penala elektronik sering digunakan kerana cara ini lebih mudah.



## Postur Bermain Gitar





Postur bermain gitar yang betul ketika duduk.



Postur bermain gitar yang betul ketika berdiri.

## Penjarian Gitar

Lazimnya, setiap satu jari tangan kiri digunakan untuk menekan tali mengikut fret. Jari telunjuk (nombor 1) digunakan untuk menekan tali pada fret pertama. Jari tengah (nombor 2) untuk fret ke-2, jari manis (nombor 3) digunakan untuk menekan tali pada fret ke-3 dan jari kelingking (nombor 4) untuk fret ke-4.



Pic pada papan jari gitar.



Audio 148: Skel F Major  
 Audio 149: Skel G Major  
 Audio 150: Skel A Minor Harmonik  
 Audio 151: Skel E Minor Harmonik  
 Audio 152: Arpeggio G Major  
 Audio 153: Arpeggio E Minor

## Skel

Mainkan skel secara menaik dan menurun secara hafalan.

(a) Skel F major

148

(b) Skel G major

149

(c) Skel A minor harmonik

150

(d) Skel E minor harmonik

151

## Arpeggio

Mainkan arpeggio secara menaik dan menurun secara hafalan.


(a) Arpeggio G major

152

(b) Arpeggio E minor

153





Audio 154: Latihan A  
 Audio 155: Latihan B  
 Audio 156: Latihan C  
 Audio 157: Latihan D

### Latihan Bermain Gitar

(a) 154

(b) 155

(c) 156

(d) 157

### Bacaan Semerta

Mainkan melodi yang berikut secara bacaan semerta.

(a)

(b)

## Persembahan Gitar Solo

### Greensleeves

158

Lagu Rakyat Inggeris

♩=100

3 C G F

10 E F E Am C

18 G F E C

26 G F E Am

### Ayam Didik

159

Lagu Rakyat

♩-100

4 G D G

10 D C D

15 G C D G


6.4.1  
6.4.2  
6.4.3  
6.4.4  
6.4.5

- Tunjukkan cara memegang gitar dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih sebuah lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.4.5.

## Violin

Violin merupakan alat muzik kordofon yang dimainkan dengan cara gesekan. Violin berasal dari Itali sekitar tahun 1500.

### Bahagian-bahagian Violin



### Pengendalian dan Penjagaan

#### Violin

Violin perlulah diuruskan dengan cermat. Selepas bermain violin, bersihkan kotoran pada violin sebelum disimpan ke dalam bekas penyimpanan violin. Jangan dedaarkannya kepada cuaca yang panas kerana cuaca panas akan merosakkan badan violin.

#### Penggesek (Bow)

Pastikan penggesek sentiasa bersih. Jangan pegang pada bahagian rerambut bagi mengelakkan rerambut tersebut rosak. Sejenis bahan yang dinamakan resin digosok pada rerambut sebelum bermain. Selepas menggunakan penggesek, longgarkan rerambut dengan menggunakan pelaras rerambut.



## Postur Bermain Violin



Postur memegang violin dan penggesek.



Posisi meletakkan violin pada bahagian badan.

## Penjarian Violin

	Low 1	1	Low 2	2	3	High 3	Low 4	4
E	F	F#	G	G#	A	Bb	B	
A	Bb	B	C	C#	D	Eb	E	
D	Eb	E	F	F#	G	G#	A	
G	Ab	A	Bb	B	C	C#	D	



Penjarian violin.

Tali terbuka (open string) pada violin ialah tali G, D, A dan E. Violin tidak mempunyai fret seperti gitar sebagai penanda. Oleh itu, seorang pemain violin perlu yakin tentang kedudukan atau posisi pic yang dikehendaki. Pemain violin juga perlu melatih jari untuk menekan nada yang tepat serta melatih pendengaran untuk membezakan pic yang tepat ataupun sumbang.



Audio 160: Skel D Major  
 Audio 161: Skel A Major  
 Audio 162: Skel G Major

Audio 163: Arpeggio D Major  
 Audio 164: Arpeggio A Major  
 Audio 165: Arpeggio G Major

## Skel

Mainkan skel menggunakan teknik *slur* dua kuaver dalam satu gesekan dengan cara *open string* dan *separate bows* menaik dan menurun secara hafalan.

(a) Skel D major

160



(b) Skel A major

161



(c) Skel G major

162




## Arpeggio

Mainkan arpeggio dengan cara *open string* dan *separate bows* secara hafalan.

(a) Arpeggio D major

163



(b) Arpeggio A major

164



(c) Arpeggio G major

165



## Bacaan Semerta

Mainkan melodi secara bacaan semerta di bawah.





**La Cucaracha**

Lagu Rakyat Sepanyol

166

$\text{♩} = 108$

6 D D D D G

11 G D G D Am

16 D Am D G D

21 G G Am D

25 Am D G

**Rasa Sayang**

Lagu Rakyat

167

$\text{♩} = 110$

8 Em Dm C C G G

14 Em Em Fm

17 Em Dm C


6.5.1, 6.5.2,  
6.5.3, 6.5.4,  
6.5.5

- Tunjukkan cara memegang violin dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.5.5.

## Flut


Flut termasuk dalam keluarga alat muzik tiup kayu. Alat muzik ini antara yang tertua dalam sejarah dan telah wujud semenjak 32 000 tahun yang lalu diperbuat daripada tulang burung. Reka bentuk flut moden yang digunakan pada hari ini telah dicipta oleh Theobalt Boehm pada tahun 1847 di Jerman.

### Bahagian Flut



### Postur Bermain Flut

Embusur bermaksud kedudukan dan penggunaan bibir serta otot-otot muka semasa memainkan alat muzik tiupan. Embusur yang betul perlu bagi menghasilkan ton yang baik.





Cadangan aktiviti embusur kali pertama.

1. Rapatkan bibir seperti menyebut "emmm".
2. Tarik hujung bibir sedikit ke dalam.
3. Tekan jari ke bibir dengan selesa dan tiup seolah-olah menyebut "poof".

## Penjarian Flut

D 	D syap / E flet 	E 	F 
F syap / G flet 	G 	G syap / A flet 	A 
A syap / B flet 	B 	C 	C syap / D flet 
D 	D syap / E flet 	E 	F 
F syap / G flet 	G 	G syap / A flet 	A 
A syap / B flet 	B 	C 	C syap / D flet 

○ Buka atau lepas

● Tutup atau tekan





Audio 168: Skel F Major  
 Audio 169: Skel G Major  
 Audio 170: Skel E Minor Harmonik  
 Audio 171: Skel E Minor Melodik  
 Audio 172: Arpeggio F Major  
 Audio 173: Arpeggio G Major  
 Audio 174: Arpeggio E Minor

## Skel

Mainkan skel berikut dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Skel F major



168

(b) Skel G major



169

(c) Skel E minor harmonik



170

(d) Skel E minor melodik



171

## Arpeggio

Mainkan skel berikut dengan mengaplikasikan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Arpeggio F major

172



(b) Arpeggio G major

173



(c) Arpeggio E minor

174



## Penjagaan Flut

Flut hendaklah dimainkan dan dijaga dengan cermat serta sentiasa bersih. Selepas bermain, ikuti langkah yang berikut sebelum menyimpan flut di dalam kotak.

1. Tanggalkan bahagian kepala. Buang kesan air.
2. Bersihkan bahagian di dalam flut menggunakan kain lembut yang bersih dan diletakkan pada batang pencuci.
3. Pusing dan tanggalkan bahagian kaki serta bersihkan.
4. Bersihkan bahagian luar flut.



### Latihan Meniup Flut

175




176



177



### Bacaan Semerta



### Persembahan Flut Solo

178

#### Anak Ikan

$\text{♩} = 105$    **2**   C   F   C   F   C   Lagu Kanak-kanak

179

#### Enjit-Enjit Semut

$\text{♩} = 105$    **4**   G   D   Lagu Kanak-kanak

6.6.1, 6.6.2,  
6.6.3, 6.6.4,  
6.6.5


- Tunjukkan cara memegang flut dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih sebuah lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.6.5.



## Klarinet

Klarinet dicipta pada tahun-tahun awal abad ke-18 oleh pembuat alat tiup kayu Nuremberg yang terkenal, Johann Christoph Denner. Terdapat pelbagai saiz klarinet dengan julat pic yang berbeza. Namun begitu, klarinet B flet dan A yang paling lazim digunakan dalam orkestra dan pancaragam.

### Bahagian Klarinet



### Postur Bermain Klarinet





## Pernafasan

1. Letak telapak tangan berdekatan dengan mulut.
2. Sedut udara secara dalam melalui mulut dalam keadaan bahu yang selesa. Pastikan perut mengembang.
3. Hembuskan nafas ke telapak tangan secara perlahan-lahan dengan menyebut “too”.

## Embusur

1. Lembapkan bibir dan gulung bibir bawah ke atas gigi bawah.
2. Tegangkan sekitar mulut.
3. Regangkan dagu ke bawah.
4. Masukkan separuh daripada pelekap mulut ke dalam mulut. Letakkan pelekap mulut antara bibir bawah dengan gigi atas.
5. Tutup mulut dengan rapat di sekeliling pelekap mulut.



Embusur yang baik.



Embusur yang tidak baik.

# Penjarian bagi Klarinet B $\flat$

- Buka
- Tutup

E	F $\flat$	E $\sharp$	F	F $\sharp$	G $\flat$	G	G $\sharp$	A $\flat$	A

A $\sharp$	B $\flat$	B	C $\flat$	B $\sharp$	C	C $\sharp$	D $\flat$	D	D $\sharp$	E $\flat$	E $\flat$	F $\flat$	E $\sharp$	F

F $\sharp$	G $\flat$	G	G $\sharp$	A $\flat$	A	A $\sharp$	B $\flat$	B	C $\flat$	B $\sharp$	C

C $\sharp$	D $\flat$	D	D $\sharp$	E $\flat$	E	F $\flat$	E $\sharp$	F	F $\sharp$	G $\flat$	G	G $\sharp$	A $\flat$	A

A $\sharp$	B $\flat$	B $\flat$	C $\flat$	B $\sharp$	C	C $\sharp$	D $\flat$	D	D $\sharp$	E $\flat$	E	F $\flat$	F



Audio 180: Skel F Major  
Audio 181: Skel G Major  
Audio 182: Skel A Minor Melodik  
Audio 183: Skel A Minor Harmonik

Audio 184: Arpeggio F Major  
Audio 185: Arpeggio G Major  
Audio 186: Arpeggio A Minor

## Skel

Mainkan skel yang berikut secara menaik dan menurun menggunakan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Skel F major

180



(b) Skel G major

181



(c) Skel A minor melodik

182



(d) Skel A minor harmonik

183



## Arpeggio

Mainkan arpeggio berikut secara menaik dan menurun menggunakan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Arpeggio F major

184



(b) Arpeggio G major


185



(c) Arpeggio A minor

186





### Bacaan Semerta

Mainkan melodi berikut secara bacaan semerta.

(a)

(b)

### Persembahan Klarinet B $\flat$ Solo

#### Baa Baa Black Sheep

187

Lagu Kanak-kanak

$\text{♩} = 115$

4

5

9

13

#### Jong Jong Inai

188

Lagu Rakyat

$\text{♩} = 109$

8

10

18

- 6.7.1
- 6.7.2
- 6.7.3
- 6.7.4
- 6.7.5

- Tunjukkan cara memegang klarinet dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.7.5.



# Trompet


Mengikut klasifikasi alat muzik barat, trompet tergolong dalam keluarga bras. Trompet telah mula wujud dalam tamadun Mesir, China, Eropah dan Amerika Selatan kira-kira 3500 tahun yang lalu. Pada masa itu, trompet tidak mempunyai injap. Trompet moden tiga injap yang lazim digunakan hari ini telah disempurnakan reka bentuknya pada kira-kira tahun 1910.



Embusur



## Bahagian Trompet



## Postur Bermain Trompet

Fungsi jari tangan kanan adalah untuk menekan injap.



Bahu dalam keadaan selesa.



Tangan kiri memegang trompet.






























## Penjagaan Trompet

Trompet hendaklah dijaga dengan cermat dan sentiasa bersih.

Selepas bermain, lakukan perkara yang berikut sebelum menyimpan trompet.

1. Gunakan *water key* untuk membuang air di dalam alat muzik.
2. Tanggalkan pelekap mulut. Pelekap mulut hendaklah dicuci menggunakan air suam sekurang-kurangnya sekali seminggu.
3. Letakkan minyak bagi memastikan kebersihan dan kelancaran injap.
  - (a) Tanggalkan penutup injap di bahagian atas.
  - (b) Keluarkan injap sehingga separuh dan lumurkan minyak injap pada bahagian injap.
  - (c) Masukkan semula injap dengan cermat.

## Penjarian Trompet

A 	A syap / B flet 	B 	C 
C syap / D flet 	D 	D syap / E flet 	E 
F 	F syap / G flet 	G 	G syap / A flet 
A 	A syap / B flet 	B 	C 
C syap / D flet 	D 	D syap / E flet 	E 
F 	F syap / G flet 	G 	G syap / A flet 
A 	○ Buka ● Tutup		



Audio 189: Skel C Major  
 Audio 190: Skel A Minor Harmonik  
 Audio 191: Skel A Minor Melodik  
 Audio 192: Arpeggio C Major  
 Audio 193: Arpeggio A Minor

Audio 194: Latihan A  
 Audio 195: Latihan B  
 Audio 196: Latihan C  
 Audio 197: Latihan D  
 Audio 198: Latihan E

## Skel

Mainkan skel berikut secara menaik dan menurun menggunakan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.

(a) Skel C major



189

(b) Skel A minor harmonik



190

(c) Skel A minor melodik



191

## Arpeggio

Mainkan arpeggio berikut secara menaik dan menurun menggunakan teknik *slurred* dan *tongued* secara hafalan.



192

(a) Arpeggio C major



193

(b) Arpeggio A minor

## Latihan Meniup Trompet

Mainkan melodi yang berikut dengan ton yang baik dan irama yang betul.



194



195



196



197



198



### Bacaan Semerta

Mainkan melodi yang berikut secara bacaan semerta.

(a)

(b)

(c)

### Persembahan Trompet Solo

#### Senjakala

199

Lagu rakyat

#### Anak Ikan

200

Lagu Kanak-kanak

- 6.8.1
- 6.8.2
- 6.8.3
- 6.8.4
- 6.8.5


- Tunjukkan cara memegang trompet dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.8.5.



## Gambus

Gambus ialah sejenis alat muzik bertali yang berasal dari wilayah Timur Tengah yang dinamakan *ud*. Gambus dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh pedagang-pedagang Arab pada zaman kegemilangan Melayu Melaka. Di Malaysia, terdapat gambus dengan empat, lima dan enam pasang tali. Setiap pasangan tali mempunyai pic yang sama. Gambus enam pasang tali paling banyak digunakan dan dianggap sebagai gambus standard.


### Bahagian Gambus



### Postur Bermain Gambus



### Papan Jari Gambus





Audio 201: Skel C Major  
 Audio 202: Skel D Major  
 Audio 203: Skel A Minor Harmonik  
 Audio 204: Skel Maqam Ajam

Audio 205: Arpeggio C Major  
 Audio 206: Arpeggio D Major  
 Audio 207: Arpeggio A Minor Harmonik  
 Audio 208: Arpeggio Maqam Ajam

## Penjagaan Gambus

Gambus ialah alat muzik yang sensitif dan perlu dimainkan dengan cermat. Bersihkan gambus daripada habuk dan lembapan kerana boleh menyebabkan kerosakan badan gambus dan mengurangkan kualiti bunyi gambus.

## Penalaan

Penalaan tali gambus adalah seperti yang berikut.

Tali 1 (C) Tali 2 (G) Tali 3 (D) Tali 4 (A) Tali 5 (E) Tali 6 (B)



## Skel

(a) Skel C major



(b) Skel D major



(c) Skel A minor harmonik



(d) Skel maqam ajam  
(dalam B $\flat$  major)



## Arpeggio

(a) Arpeggio C major



(b) Arpeggio D major




(c) Arpeggio A minor harmonik



(d) Arpeggio maqam ajam  
(dalam B $\flat$  major)





Audio 209: Latihan A      Audio 213: Latihan E  
 Audio 210: Latihan B      Audio 214: Latihan F  
 Audio 211: Latihan C      Audio 215: Latihan G  
 Audio 212: Latihan D      Audio 216: Latihan H

## Latihan Bermain Gambus

1 ← Nombor tali      Nombor jari tangan kiri

(a) 209

(b) 210

(c) 211

(d) 212

(e) 213

(f) 214

(g) 215


(h) 216

### Gerakan Petikan

- ▮ Atas ke bawah.
- ∨ Bawah ke atas.

Gunakan teknik penting tenteng sahaja, iaitu petikan bunyi tunggal. Gunakan gerakan dari atas ke bawah.

Jari tangan kiri dinomborkan dengan 1 (jari telunjuk), 2 (jari tengah), 3 (jari manis) dan 4 (jari kelingking). Jari 1 digunakan untuk menekan tali pada ruang (fret) pertama, jari 2 untuk ruang kedua, jari 3 untuk ruang ketiga dan jari kelingking untuk fret kelima.



### Latihan Bacaan Semerta

(a)

(b)



(c)

(d)

### Persembahan Gambus Solo

#### Suriram

217

Lagu rakyat

$\text{♩} = 100$

3

D A D

8 D G D Em A D

#### Senjakala

218

Lagu rakyat

$\text{♩} = 100$

3

G Am D

7 C D G D

13 C D G D C D G

6.9.1  
6.9.2  
6.9.3  
6.9.4  
6.9.5

- Tunjukkan cara memegang gambus dengan betul.
- Rancang dan sediakan latihan bacaan semerta.
- Pilih lagu solo lain yang sesuai dengan murid bagi memenuhi SP 6.9.5.



## GLOSARI

*an akrusis* musik atau frasa yang tidak bermula pada bit pertama.

*arpeggio* membunyikan not-not kord secara satu demi satu.

*bacaan semerta* memainkan skor secara spontan tanpa sebarang latihan.

*badan* (body) bahagian utama alat muzik seperti gitar, saksofon, flut dan gambus.

*baluk* garisan mendatar bagi menunjukkan pic atau warna ton not-not muzik.

*bubbling* bunyi bobokan.

*broken chord* gaya memainkan kord, iaitu not-not kord dimainkan satu persatu.

*corong* (bell) bahagian hujung tempat gelombang bunyi keluar bagi alat muzik seperti saksofon, trompet dan klarinet.

*corak irama* bunyi-bunyi panjang dan pendek termasuk senyapan yang disusun mengikut detik atau bit muzik.

*contrary motion* dua pergerakan melodi yang bertentangan arah menaik dan menurun yang dimainkan dalam satu masa.

*dinamik* kuat atau lembut sesuatu bunyi muzik.

*dst* (etc) kependekan dan seterusnya.

*embusur* posisi atau penggunaan bibir, lidah dan gigi dalam membunyikan alat muzik bertiup, contohnya flut, trompet dan saksofon.

*ensembel* kumpulan muzik yang dianggotai lebih daripada dua orang.

*frasa irama* kumpulan not-not tanpa berpic yang membentuk satu "ayat" atau segmen kecil dalam muzik.

*frasa melodi* kumpulan not-not berpic yang membentuk satu "ayat" atau segmen kecil dalam muzik.

*fret* bahagian-bahagian khusus di atas papan jari bagi pic-pic tertentu. Alat muzik seperti gitar dan lut, mempunyai sekatan daripada jalur logam.

*gabus* (neckcork) gabus pada bahagian yang bersambung pada alat muzik tiupan digunakan bagi mengelakkan kebocoran udara yang mungkin menyebabkan gangguan ton.

*garis bar* garis menegak yang memisahkan antara bar muzik.

*genre* kategori atau jenis karya seni yang dicirikan dengan suatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu.

*hissing* bunyi mendesis.

*improvisasi* teknik seni persembahan spontan tanpa persediaan terlebih dahulu.

*injap* (valve) bahagian yang ditekan bagi mengubah pic dalam alat muzik seperti trompet.

*irama* konsep atau elemen masa dalam muzik termasuk detik, tempo dan meter.

*jeda* jarak pic antara dua not muzik. Boleh dinyatakan dalam ton, semiton atau major ke-2, minor ke-4, perfek ke-4 dan sebagainya.

*kekuda* (bridge) penyokong ketika tali-tali bergetar di atas badan alat muzik bertali seperti gitar, violin, gambus dan sebagainya.





**kekunci** (key) bahagian pada alat muzik berpici yang menunjukkan penentuan ketetapan pic-pic muzik.

**kekunci keselamatan** (keyguard) penutup beberapa lubang kekunci alat muzik seperti saksofon.

**kekunci oktaf** (octave key) kekunci khas pada alat muzik tertentu seperti saksofon untuk menghasilkan bunyi satu oktaf lebih tinggi atau lebih rendah.

**klef** simbol yang diletakkan pada awal baluk bagi menentukan pic-pic pada baluk.

**klef bes** klef yang digunakan untuk baluk berpici rendah. Digunakan untuk skor alat muzik berpici rendah seperti trombon, bes, selo dan tuba.

**klef trebel** klef yang digunakan untuk baluk berpici tinggi. Digunakan untuk skor alat muzik berpici tinggi seperti flut, violin, trompet, gitar dan klarinet.

**koir** kumpulan nyanyian berpadu suara, biasanya terdiri lebih daripada 20 orang.

**konsonan** sebutan huruf selain huruf vokal.

**kunci penala** (tuning key / tuning peg) bahagian yang digunakan untuk membuat penalaan bagi alat muzik bertali seperti gitar, gambus dan violin.

**laras** bahagian yang menyambungkan pelekap mulut dengan badan untuk alat muzik klarinet.

**leher** (neck) bahagian antara kepala atau pelekap mulut dengan badan alat muzik bertali seperti gambus, gitar dan violin.

**lubang bunyi** (sound hole) lubang terbuka di bahagian atas badan alat muzik seperti gambus, gitar dan violin.

**lubang embusur** (embouchure hole) lubang untuk meniup alat muzik seperti flut.

**melodi** susunan kumpulan not muzik secara menaik dan menurun dengan ritma yang ditentukan.

**meter** tanda masa untuk menetapkan jenis ritma dan sukatan masa setiap bar dalam karya muzik.

**nada** set pic-pic dalam lagu yang diasaskan oleh satu pic utama (tonik).

**nat** (nut) bahagian yang menyambungkan kepala dengan leher pada alat muzik gitar.

**not** lambang bunyi.

**oktaf** bunyi yang sama nama picnya tetapi satu tahap lebih tinggi atau lebih rendah.

**papan jari** (finger board atau fret board) kawasan leher di bawah tali, berbentuk dan bertanda agar tali boleh ditekan di tempat-tempat tertentu bagi mendapatkan pic tertentu pada alat muzik seperti gitar, violin dan gambus.

**pasak** (peg) alat untuk melaraskan pic tali pada alat muzik bertali seperti gambus, gitar dan violin.

**pelana** (saddle) bahagian hujung tali alat muzik gitar.

**pelaras bunyi** (fine tuner) alat yang digunakan pada alat bertali seperti violin.

**pelekap mulut** (mouthpiece) mekanisme untuk menghasilkan bunyi yang dipasang di pangkal alat tiup seperti saksofon, klarinet dan trompet.

**penalaan** (tuning) proses pelarasan pic alat muzik.

**pengikat** (ligature) pengikat lelidah pada pelekap mulut alat muzik tiupan, misalnya saksofon dan klarinet.

**pic** tinggi atau rendah bunyi dalam muzik.



*pin oktaf* (octave pin) penyokong untuk kekunci oktaf untuk alat muzik saksofon.

*plat bibir* (lip plate) bahagian alat untuk meletakkan bibir bawah untuk bermain flut.

*postur* posisi atau sikap tubuh seseorang terutamanya semasa duduk atau berdiri.

*skel* susunan pic-pic tertentu secara menaik atau menurun berdasarkan sistem muzik.

*skor* catatan sesuatu karya muzik dalam bentuk notasi muzik.

*slur* simbol bagi menggabungkan bunyi dua not yang bersebelahan yang mempunyai pic yang berbeza.

*staccato* simbol titik di atas atau bawah not yang bermaksud not tersebut dimainkan secara terputus-putus atau bunyi yang pendek.

*solfa* latihan nyanyian menggunakan sebutan tertentu (do re mi fa so la ti do) mengikut kedudukan pic dalam skel atau nada lagu.

*tempat ibu jari* (thumbrest) tempat meletakkan ibu jari tangan kiri untuk mengimbangi pegangan semasa bermain alat muzik saksofon.

*tanda penamat* garisan bar berganda menunjukkan tamatnya sesuatu karya muzik.

*tanda kromat* simbol syap, flet atau neutral yang digunakan untuk mengubah pic muzik.

*tanda nada* (key signature) tanda yang ditulis pada awal baluk bagi menunjukkan pic tonik atau nada bagi keseluruhan not dalam lagu tersebut.

*tanda rehat* simbol atau tanda tertentu menunjukkan senyapan.

*tie* simbol bagi menggabungkan bunyi dua not bersebelahan yang mempunyai pic yang sama.

*tempo* kelajuan atau kecepatan detik dalam muzik.

*ton* kualiti sesuatu bunyi alat muzik atau suara.

*tonik* nama teknikal bagi pic pertama dalam nada atau skel.

*triad* gabungan tiga pic tertentu (1, 3 dan 5) dalam satu skel menghasilkan bunyi berharmoni.

*triad tonik* triad yang berasaskan not tonik. Mengandungi not tonik, median dan dominan.

*vokal* bunyi suara yang dilambangkan dengan huruf a, e, i, o, u.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**